

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI RABU : 18 DISEMBER 2019**

**NO SOALAN: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk membuat satu kajian penyelidikan terhadap klinik-klinik desa untuk menaikkan taraf, menyediakan kelengkapan peralatan perubatan dan bilik-bilik rawatan yang khas bagi kegunaan pegawai-pegawai perubatan untuk merawat pesakit. Bilik perubatan dan rawatan harus diperbesarkan khususnya bagi setiap klinik desa kerana bilangan pesakit semakin bertambah dari hari ke hari.

## **NO SOALAN: 1**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa merancang pembinaan fasiliti kesihatan dalam usaha untuk meningkatkan akses dan menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif. Naik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan adalah perancangan KKM bermula Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Walau bagaimanapun, ia akan dilaksanakan mengikut keutamaan dan bergantung kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Naik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan juga akan melibatkan penambahan bilik-bilik rawatan, peralatan perubatan dan anggota kesihatan sesuai dengan keperluan klinik tersebut dalam mengimbangi pertumbuhan populasi serta kedatangan pesakit.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Zaiedi Suhaili** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimana fokus Kerajaan meneruskan pertumbuhan sektor ekonomi dan tumpuan pembangunan sosial yang lebih seimbang dalam RMK12 agar pendekatan pengurusan fiskal Malaysia tidak memberi jurang pendapatan yang lebih melebar dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani.
2. Menyedari terdapat keperluan untuk menstruktur dan menyusun semula pembangunan sosioekonomi negara, Kerajaan telah merangka Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB). Wawasan yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 ini akan menerajui hala tuju negara secara lebih holistik untuk tempoh 2021 sehingga 2030. Pelaksanaan WKB akan merangkumi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).
3. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, objektif pertama WKB adalah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Di bawah WKB, selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang berpotensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi.

## NO SOALAN: 2

4. Objektif kedua WKB, antara lain, menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan dan wilayah. Kerajaan yakin penstrukturan semula ekonomi dan tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi di bawah WKB akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan. Ini kerana, sebahagian besar daripada kumpulan B40 dan M40 bergantung kepada gaji dan upah sebagai sumber pendapatan utama. Pewujudan pekerjaan bergaji tinggi akan membantu kumpulan ini meningkatkan taraf hidup dan kuasa beli mereka.
5. Selain daripada itu, Teras Strategik Kelima WKB iaitu Kesejahteraan Sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasaran.
6. Dalam merapatkan jurang ekonomi antara wilayah, Kerajaan komited untuk memastikan pembangunan dilakukan secara saksama dan inklusif bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu di negeri atau kawasan tertentu sahaja. Dalam hubungan ini, pemetaan kawasan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hot spots*, akan dilaksanakan bagi mengenalpasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada

## **NO SOALAN: 2**

kekuatan dan keunikan kawasan tersebut. Pengurusan ekonomi yang teragih dan adil akan dilaksanakan dengan memperkukuh logistik dan fasilitasi perdagangan, meningkatkan kebolehcapaian internet serta menambah baik infrastruktur awam di kawasan luar bandar dan pedalaman.

7. Fasa pertama pelaksanaan WKB akan diterjemahkan dalam RMKe-12. Pelaksanaan RMKe-12 ini juga akan berlandaskan kepada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Pada masa yang sama, Kerajaan komited untuk memastikan pengurusan dasar fiskal yang lebih berhemat dan berdisiplin bagi memacu negara ke arah merealisasikan matlamat WKB.
8. Segala usaha kerajaan ini akan dapat memperkasakan pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan pembangunan sosial yang lebih seimbang dan inklusif bagi manfaat seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Donald Peter Mojuntin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menggubal pelan atau 'blueprint' reformasi pendidikan negara untuk memastikan generasi muda Malaysia lebih kompetitif dalam dan luar negara, tanpa mengira bangsa dan agama.

## NO SOALAN: 3

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari dan sentiasa peka atas perkembangan pendidikan semasa agar ia sentiasa berdaya saing di peringkat global. Matlamat Kerajaan dan tujuan sistem pendidikan adalah untuk memastikan generasi muda Malaysia dapat berkembang secara holistik, mempunyai nilai-nilai murni, ilmu dan berkemahiran yang diperlukan bagi menerajui Negara kelak selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah melakukan transformasi dalam Pendidikan bermula dari tahun 2013 melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Pelbagai inisiatif dirancang, dilaksanakan dan dipantau keberkesanannya bagi memastikan sistem Pendidikan negara berada pada tahap terbaik. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah Transformasi Pendidikan Vokasional (TVET), Memperkasakan Bahasa Inggeris, dan Penerapan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Bilik Darjah.

Manakala Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) - PPPM (PT), menggariskan 10 Lonjakan bagi mencapai aspirasi pelajar dengan penekanan untuk mengimbangi akhlak dan agama. Lonjakan ini juga menjelaskan kaedah untuk mengukuhkan lagi sistem pendidikan tinggi, terutamanya kualiti dan kecekapan institusi pendidikan tinggi serta meningkatkan daya saing para graduan dalam mendepani persekitaran global yang semakin mencabar. Penekanan juga diberikan

### **NO SOALAN: 3**

dalam menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, melahirkan penjana pekerjaan, meletakkan program berasaskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) setaraf dengan program akademik dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. KPM juga akan terus menggalakkan penyertaan industri di peringkat pengajaran, penyelidikan dan pengkomersilan dan pada yang sama mengharmonikan rangkaian kerjasama institusi pendidikan tinggi awam, swasta dan antarabangsa.

Selain itu, bermula tahun 2018 KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang Pendidikan bertujuan untuk mengkaji serta menyemak semula dasar Pendidikan sedia ada bagi melahirkan rakyat Malaysia yang bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Pada masa ini, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) kerana Kementerian percaya bahawa sebarang perubahan dan penambahbaikan melibatkan dasar pendidikan perlu diteliti secara terperinci dan tidak dilakukan secara tergesa-gesa bagi memastikan hasrat dan objektif utama dasar tersebut terlaksana dan bermanfaat untuk semua.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang telah dikesan sepanjang Pilihan raya Kecil yang telah diadakan semenjak Kerajaan Baharu ambil alih. Nyatakan juga kesalahan-kesalahan yang berjaya dikesan semasa PRK Tanjung Piai baru-baru ini. Adakah Kerajaan akan menutup sebelah mata (closed one-eye) terhadap pelanggaran ini atau ada sebarang tindakan telah diambil.

**NO SOALAN: 4**

**JAWAPAN: YB MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah merekodkan sebanyak **486 laporan kesalahan pilihan raya** bagi pelaksanaan 9 Pilihan Raya Kecil (PRK) selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU Ke-14). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **30 laporan polis telah dibuat oleh SPR**. Justeru, laporan polis tersebut masih dalam tindakan siasatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Antara kesalahan pilihan raya yang merekodkan bilangan yang tinggi adalah melibatkan **kesalahan bahan kempen pilihan raya (statik)**, kesalahan melibatkan **ceramah/taklimat/syarahan** dan **kesalahan bahan kempen (edaran)**. Manakala kesalahan pilihan raya yang direkodkan semasa **Hari Mengundi** pula adalah berkaitan dengan **pengwujudan barung/pondok panas, aktiviti merayu/meraih undi, kenderaan dengan logo parti yang memasuki zon larangan 50 meter**. Bagi kesalahan pilihan raya yang telah berlaku semasa **PRK Parlimen P.165 Tanjung Piai**, SPR telah merekodkan sebanyak **188 kesalahan pilihan raya**. Antara kesalahan pilihan raya yang merekodkan bilangan yang tinggi adalah melibatkan **kesalahan bahan kempen (statik)** iaitu sebanyak **98 kesalahan**. Manakala, kesalahan pilihan raya yang telah direkodkan **semasa Hari Mengundi** adalah berkaitan dengan **pengwujudan barung/pondok panas sebanyak 31 kesalahan** dan **aktiviti merayu/meraih undi berdekatan dengan Pusat Mengundi dengan jumlah sebanyak 41 kesalahan**. Berdasarkan kepada

## NO SOALAN: 4

maklumat yang diperolehi daripada PDRM dan SPRM sebanyak **41 laporan polis** dan **4 laporan SPRM** telah direkodkan berkaitan PRK tersebut yang mana ia masih dalam tindakan siasatan pihak PDRM dan SPRM.

Dalam memastikan urusan pemantauan aktiviti kempen pilihan raya semasa PRK dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, SPR telah melaksanakan pelbagai tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- (i) **Memberikan taklimat dan penerangan mengenai *do's and don'ts* bagi urusan kempen pilihan raya** kepada calon atau wakil calon semasa Mesyuarat Penyelarasan Pegawai Pengurus dan Calon Semasa PRK pada Hari Penamaan Calon;
- (ii) **Mengeluarkan kenyataan media** untuk memberi peringatan kepada semua pihak yang terlibat dengan aktiviti berkempen semasa pilihan raya;
- (iii) **Menyediakan Surat Pematuhan Peraturan Kempen Pilihan Raya Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi** bagi memaklumkan peraturan dan syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap calon dan parti yang bertanding semasa pilihan raya;
- (iv) **Menyediakan Surat Pemantauan SPR Semasa Hari Mengundi Kepada Calon Dan Parti Yang Bertanding** bagi memaklumkan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan semasa pilihan raya;

## NO SOALAN: 4

- (v) **Menyediakan Surat Aku Janji Calon Semasa Tempoh Berkempen dan Hari Mengundi** untuk ditandatangani oleh calon yang bertanding semasa pilihan raya. Ini bagi memastikan setiap calon yang bertanding adalah komited untuk melaksanakan aktiviti kempen pilihan raya mengikut arahan dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan;
- (vi) **Mempertingkatkan kerjasama pintar (*smart partnership*) dengan jabatan/agensi yang berkait rapat dengan kesalahan pilihan raya** seperti PDRM, SPRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Melalui jalinan kerjasama tersebut, SPRM bersetuju untuk **mewujudkan Bilik Operasi SPRM yang beroperasi selama 24 jam** di sepanjang tempoh berkempen semasa pilihan raya;
- (vii) **Memaparkan maklumat berkaitan tindakan penguatkuasaan dan statistik laporan PDRM dan SPRM yang dipantau oleh SPR di *Facebook*, *Twitter* dan Portal SPR.**

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR sentiasa **memberi saranan kepada semua pihak agar membuat laporan kesalahan pilihan raya kepada mana-mana jabatan/agensi yang berkaitan** seperti PDRM, SPRM dan SKMM sekiranya mempunyai maklumat mengenai kesalahan pilihan raya yang telah berlaku semasa pilihan raya. Ini bagi membolehkan tindakan dan siasatan segera diambil oleh jabatan/agensi tersebut.

## **NO SOALAN: 4**

Berhubung dengan perkara tersebut, SPR amat memerlukan **kerjasama yang menyeluruh daripada setiap parti politik, jabatan/agensi, NGO dan pihak-pihak lain yang berkaitan** dalam memastikan urusan kempen pilihan raya dilaksanakan secara lancar dan teratur. SPR sentiasa komited dalam memastikan setiap urusan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan secara adil, telus dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah syarat-syarat bagi permohonan subsidi pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis badan bukan Kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Setakat tahun 2017 hingga sekarang berapa ramai yang dapat bantuan seperti itu dan adakah jumlah peratusan meningkat. Adakah pusat hemodialisis di seluruh negara mencukupi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Subsidi Rawatan Hemodialisis dan Suntikan Erythropoietin diwujudkan untuk membantu pesakit yang kurang berkemampuan yang menjalani rawatan hemodialisis akibat kegagalan ginjal kronik di pusat hemodialisis badan-badan bukan Kerajaan (NGO). Pusat hemodialisis yang dikendalikan NGO boleh mengemukakan permohonan untuk disenaraikan bawah skim subsidi dialisis Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Syarat-syarat bagi permohonan subsidi pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan menjalani rawatan hemodialisis di pusat hemodialisis NGO yang berdaftar dengan KKM adalah seperti berikut:

- a. pesakit yang miskin dan kurang berkemampuan dan sedang mendapat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang telah diiktiraf oleh KKM;
- b. pesakit hendaklah terdiri daripada warga negara Malaysia atau penduduk tetap; dan
- c. pesakit perlu memenuhi kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pusat hemodialisis yang berkenaan. Urusan temuduga dan penyiasatan akan dilakukan oleh pusat dialisis yang berkenaan.

## **NO SOALAN: 5**

Seterusnya, permohonan yang dikemukakan oleh pusat hemodialisis NGO tersebut akan dipertimbangkan di peringkat pengurusan KKM dengan mengambil kira latar belakang sosio-ekonomi setiap pesakit sebelum diluluskan.

Pada tahun 2017, seramai 2,415 pesakit di 122 pusat hemodialisis NGO telah menerima bantuan subsidi sebanyak RM23.961 juta. Manakala pada tahun 2018, seramai 2,459 pesakit di 122 pusat hemodialisis NGO menerima bantuan subsidi sebanyak RM33.349 juta. Sehingga bulan November 2019, seramai 3,315 pesakit di 125 pusat hemodialisis NGO menerima bantuan subsidi sebanyak RM33.431 juta. Dalam hal ini, jumlah pesakit yang menerima bantuan subsidi menunjukkan peningkatan sebanyak 37.27% daripada tahun 2017.

Jumlah komitmen kewangan Kerajaan juga meningkat dengan peningkatan jumlah penerima bantuan subsidi dan mulai tahun 2018, bantuan subsidi rawatan hemodialisis telah dinaikkan ke kadar RM100 dari RM50 bagi setiap rawatan dan pesakit hanya perlu membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan daripada keseluruhan kos RM110 termasuklah kos suntikan erythropoietin (EPO) sebanyak RM18.50 ketika membuat rawatan di pusat hemodialisis NGO yang berdaftar dengan KKM.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jumlah pusat dialisis di KKM adalah tidak mencukupi untuk menampung rawatan bagi semua pesakit kegagalan buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis. Tambahan pula, cabaran kekangan anggota

## **NO SOALAN: 5**

sumber manusia yang dihadapi oleh KKM buat masa ini turut memberi implikasi kepada situasi ini. Nisbah bagi staf kepada pesakit hemodialisis yang ideal adalah 1:4 namun begitu di kebanyakan pusat hemodialisis KKM, nisbah yang tercapai adalah dalam lingkungan 1:6 dan 1:7 berikutan kekangan dari segi sumber manusia di kebanyakan fasiliti KKM. Oleh itu, KKM kini sedang dalam usaha memohon penambahan sumber manusia daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan di fasiliti KKM termasuklah perkhidmatan dialisis di semua fasiliti KKM.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan belia yang berumur 18 tahun adalah layak untuk mengundi dan sebahagian daripada pengundi baru kategori belia ini adalah penganggur. Apakah kadar pengangguran terkini bagi golongan belia dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran belia di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, tahun 2018, kadar pengangguran ialah 3.2 peratus manakala kadar pengangguran belia (15 hingga 24 tahun) ialah 10.9 peratus. Walaupun, kadar pengangguran di kalangan belia adalah tinggi, ini merupakan fenomena biasa yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun dan maju di dunia. Golongan belia adalah golongan yang berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan dan sedang melalui proses untuk mendapatkan pekerjaan.

2. Sebagai perbandingan, kadar pengangguran belia di negara membangun dan maju, antaranya, China (12.4%), India (9.7%), New Zealand (14.4%), Norway (10.1%) dan Australia (13.5%). Data ini menunjukkan kadar pengangguran belia di Malaysia adalah setara malahan lebih rendah daripada beberapa negara maju.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bagi membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan, Kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha berikut:-

- (i) Menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja;

## NO SOALAN: 6

- (ii) Mengajukan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, penempatan melalui *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS, Program Penempatan Golongan Khas serta Program Penyesuaian Kerjaya (2PK).
- (iii) Melaksanakan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE 2.0) bertujuan membantu golongan muda di kalangan graduan menganggur untuk mengikuti latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri dan seterusnya diberikan jaminan penempatan pekerjaan di syarikat yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).
- (iv) Mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri. Program SLDN menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi latihan; dan
- (v) Melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah SIP, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan

## NO SOALAN: 6

memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Seramai 76,000 belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini;

- (vi) Menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran yang semakin kompetitif dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sehingga 30 November 2019, seramai 146,203 orang pencari kerja telah berjaya ditempatkan dalam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pemacu perkongsian perjalanan (cth. Grab) adalah merupakan pemandu 'Public Service Vehicle' (PSV). Apakah peratusan pemandu yang telah menjalani peperiksaan perubatan yang ditetapkan baru-baru ini.

## **NO SOALAN: 7**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 56 Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) menyatakan bahawa semua pemandu kenderaan perkhidmatan awam, termasuk kenderaan e-hailing, perlu mempunyai Lesen Memandu Vokasional dan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) juga telah memperkenalkan kurikulum baharu iaitu Kursus Asas Profesionalisme Pemandu Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bagi Industri Teksi dan Perkhidmatan e-Hailing yang telah digunakan secara rasminya bermula 01 April 2019 di semua institusi latihan memandu seluruh negara.

2. Sehingga 16 Disember 2019, sebanyak 140,672 pendaftaran diterima untuk menduduki ujian memandu dan 97,285 orang pemandu telah lulus ujian PSV (Teksi/ e-hailing) dengan jayanya dan dikeluarkan lesen memandu vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) di seluruh negara. Setiap permohonan lesen memandu vokasional wajib disertakan dengan laporan pemeriksaan perubatan iaitu Borang JPJL8A yang merupakan salah satu dokumen yang wajib.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana program Food Bank Malaysia yang dilaksanakan sejak Ogos 2018 telah membantu dalam mengurangkan pembaziran makanan di dalam negara ini dan berapakah anggaran rakyat Malaysia yang mendapat manfaat daripada program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan YB Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah **bersekali** dengan YB Senator Puan Asmak Binti Husin bertarikh 18 Disember 2019 kerana ianya menyentuh perkara yang sama iaitu Food Bank Malaysia

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus komited dalam mencari kaedah terbaik bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Program Food Bank Malaysia (PFBM). PFBM telah secara rasminya dilancarkan pada 22 Disember 2018. Antara lain, objektif program ini adalah untuk membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan akses bekalan makanan agar dapat meringankan kos sara hidup golongan tersebut, memberikan kesedaran kepada pengguna berkenaan inisiatif *zero waste* bagi mengelakkan pembaziran makanan, mengurangkan pembaziran makanan yang masih boleh diguna semula dan mewujudkan struktur pengurusan lebihan makanan yang lebih tersusun dan terancang.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), rakyat Malaysia menjana 15,000 tan lebihan makanan setiap hari dan 3,000 tan daripada lebihan makanan tersebut masih selamat untuk dimakan. Sekiranya 3,000 tan makanan tersebut dioptimalkan penggunaan maka kuantiti ini boleh dimanfaatkan oleh 2 juta orang rakyat Malaysia yang memerlukan.

## **NO SOALAN: 8**

Sehingga Oktober 2019, seramai 418,000 ahli isi rumah telah berjaya mendapat manfaat daripada program ini. Secara tidak langsung, ianya telah berjaya menyelamatkan sebanyak 1,893 metrik tan lebih makanan dan dianggarkan sebanyak RM 9.47 juta nilai lebih makanan yang berjaya diselamatkan. Selain itu, semenjak 15 Februari 2019, KPDNHEP juga telah melancarkan Program Food Bank Siswa bagi membantu menangani kos sara hidup mahasiswa di Universiti. Sehingga November 2019, sebanyak 6,670 mahasiswa telah mendapat manfaat daripada program ini.

### **Yang di-Pertua,**

Program ini juga telah mendapat banyak perhatian daripada agensi-agensi kerajaan yang turut melibatkan diri dalam Program Food Bank Malaysia. Antaranya ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang telah memulakan penyumbangan makanan daripada usahawan pasar tani. Projek perintis telah dimulakan di sekitar Lembah Klang sejak bulan Julai 2019 yang lalu.

Selain itu, Program Food Bank Malaysia ini juga turut disertai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui bantuan makanan yang disumbangkan kepada Program Perumahan Rakyat (PPR), contohnya seperti di PPR Desa Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur.

Penglibatan agensi-agensi kerajaan lain adalah seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dalam memberikan data e-kasih sebagai penerima Program Food Bank Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam penyertaan universiti-universiti awam di bawah Program Food Bank Siswa dan juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dalam memberikan maklumat tentang sistem pengurusan sisa pepejal.

## **NO SOALAN: 8**

Kementerian juga akan terus meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan bagi memperluaskan lagi Program Food Bank Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani bagi mengatasi masalah pencerobohan di perairan Malaysia daripada nelayan asing yang dikira telah menggugat kedaulatan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu pencerobohan bot-bot nelayan asing di perairan negara, Kerajaan pada 24 April 2019 yang lalu melalui mesyuarat menangani pencerobohan nelayan asing yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Asas Tani; dan Kementerian Pertahanan telah memutuskan penubuhan Pasukan Khas bagi menangani isu pencerobohan ini.

Pasukan Khas ini telah memutuskan pelaksanaan Operasi NAGA yang diterajui oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasaan yang lain seperti Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Pasukan Gerakan Udara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Bagi pihak Kementerian Pertahanan akan terus memberikan sokongan padu dalam Operasi NAGA ini bagi memastikan perairan negara bebas dari sebarang bentuk pencerobohan bot-bot nelayan asing.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah dana yang dibayar oleh syarikat-syarikat ISP untuk program-program pemeraksanaan Internet dan digitalisasi di kawasan desa dan sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan program tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, program-program pemerkasaan internet dan digitalisasi di kawasan desa adalah dijalankan di Pusat Internet yang dikawal selia oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melalui 6 syarikat penyedia perkhidmatan yang telah dilantik iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Axiata Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Maxis Bhd, SEA Telco Engineering Services Sdn Bhd (Redtone) dan Webe Digital Sdn Bhd. Manakala pembiayaan Pusat Internet pula adalah melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (“Universal Service Provision (USP)”) yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.
2. Sehingga 31 Oktober 2019, jumlah pembayaran bagi kos modal dan operasi Pusat Internet seluruh negara yang dibuat daripada dana Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Provision Fund atau USP Fund ) adalah lebih kurang RM2 billion. Pada masa ini terdapat 873 buah Pusat Internet yang sedang beroperasi di seluruh Malaysia dengan lebih 1 juta rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat Internet.

## NO SOALAN: 10

3. Selain daripada menyediakan perkhidmatan jalur lebar internet di kawasan-kawasan luar bandar, ia juga turut menawarkan latihan-latihan ICT, keusahawanan dan multimedia di mana komuniti setempat melibatkan diri secara aktif di dalam setiap program yang dijalankan di semua Pusat Internet.
4. Antara program-program yang telah dianjurkan ialah program Literasi Digital dan Advokasi Klik dengan Bijak, cara membangunkan laman sesawang, cara menggunakan aplikasi *software*, pembelajaran Matematik atas talian dan lain-lain lagi. Pusat – pusat Internet juga turut terlibat didalam Program Jangkauan Komuniti (*Community Outreach*) seperti gotong royong, hari terbuka dan sebagainya. Penganjuran program-program di Pusat Internet di seluruh negara telah dilakukan pada setiap bulan.
5. Sehingga kini, Pusat Internet telah melahirkan 20,000 usahawan digital, membantu lebih 12,000 komuniti celik IT, mempromosikan hampir 11,000 tempat menarik di sekitarnya dan menghasilkan hampir 7,500 video kandungan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu tabung khas bagi membantu membiayai pelajar-pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dari seluruh negara yang menyertai pelbagai pertandingan sains dan inovasi di peringkat antarabangsa yang selama ini menggunakan sumber kewangan peribadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan keperluan peruntukan di setiap peringkat termasuk di peringkat Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan termasuk peruntukan kokurikulum yang disalurkan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

KPM telah melaksanakan pelbagai kegiatan kokurikulum melalui pasukan beruniform, kelab dan persatuan serta aktiviti koakademik dalam kalangan murid di seluruh negara bagi menyokong dan melengkapkan pengajaran dan pembelajaran murid di bilik darjah. Usaha ini bertujuan membina dan membentuk kualiti individu dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek di samping memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan murid dalam pelbagai bidang termasuk bahasa, sains sosial serta sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa platform yang disediakan oleh KPM bagi membantu penyertaan murid dari seluruh negara untuk menyertai pelbagai pertandingan sains dan inovasi di peringkat antarabangsa iaitu:

1. Pertandingan yang dibiayai oleh KPM melalui peruntukan khusus program luar negara yang dibida setiap tahun dan diberikan kepada murid-murid daripada pelbagai kaum mengikut syarat dan kriteria pemilihan sesuatu pertandingan. Bilangan penyertaan murid-murid ke peringkat antarabangsa adalah terhad kepada peruntukan yang diterima pada tahun semasa;

## **NO SOALAN: 11**

2. Pertandingan yang dibiayai oleh agensi luar dan peruntukan diberikan kepada murid-murid daripada pelbagai kaum mengikut syarat dan kriteria pemilihan sesuatu pertandingan dan bilangan penyertaan murid juga mengikut peruntukan yang disediakan pada tahun semasa; dan
3. Pertandingan yang ditawarkan secara terbuka kepada murid-murid yang layak melalui pembiayaan sendiri atau melalui sumbangan agensi kerajaan atau bukan kerajaan.

Memandangkan penyertaan murid-murid ke pertandingan sains dan inovasi adalah melalui pelbagai platform maka tiada tabung khas disediakan buat masa ini untuk murid-murid mengikuti sesuatu pertandingan yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (Public Service Vehicle-PSV) yang dikeluarkan kepada pemandu-pemandu 'e-Hailing' setakat ini dan berikan butiran mengikut negeri. Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk melanjutkan tempoh untuk pendaftaran PSV untuk kenderaan 'e-Hailing'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 16 Disember 2019, sebanyak 140,672 orang pemandu telah mendaftar untuk menjalani kursus teori PSV (Teksi/ e-hailing) selama enam (6) jam di 234 buah institusi latihan pemanduan yang diiktiraf Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia di seluruh negara. Pendaftaran ini juga sentiasa dibuka kepada mana-mana pemandu teksi/ kereta sewa/ teksi mewah/ e-hailing sedia ada atau pemandu baharu yang berminat untuk menyertai dan dilesenkan dengan lesen PSV (Teksi/ e-hailing).

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97,285 orang pemandu telah lulus ujian PSV (Teksi/ e-hailing) dengan jayanya dan dikeluarkan lesen memandu vokasional PSV (Teksi/ e-hailing) di seluruh negara. Negeri Selangor merekodkan jumlah pendaftaran dan pengeluaran lesen PSV (Teksi/ e-hailing) yang tertinggi iaitu 25,554 pemandu memandangkan pecahan pemandu adalah lebih tertumpu ke kawasan Lembah Klang. Negeri kedua tertinggi adalah Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pecahan lengkap mengikut agihan negeri adalah seperti berikut:

**NO SOALAN: 12**

<b>Negeri</b>	<b>Bil IM</b>	<b>Jumlah Calon Daftar</b>	<b>Jumlah Calon Hadir Kursus</b>	<b>Jumlah Calon Lulus</b>	<b>Jumlah Calon Kandas</b>
Perlis	2	671	614	428	186
Kedah	19	3,438	3,100	2,724	595
P. Pinang	9	7,588	6,114	6,310	3,957
Perak	27	3,503	3,396	2,052	1,344
Selangor	25	36,331	35,839	25,554	9,601
WPKL	6	11,795	10,509	10,301	2,521
N. Sembilan	11	11,361	10,677	9,888	5,204
Melaka	7	1,596	1,581	1,025	556
Johor	29	9,901	8,296	6,377	6,034
Pahang	16	3,501	3,134	2,532	1,669
Terengganu	12	625	471	440	206
Kelantan	14	607	575	638	70
Sabah	24	5,231	5,147	3,304	1,719
Sarawak	29	2,617	2,514	2,192	626
e-Hailing operator	4	41,907	35,248	23,520	11,683
<b>JUMLAH</b>	<b>234</b>	<b>140,672</b>	<b>127,215</b>	<b>97,285</b>	<b>45,971</b>

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah strategik yang diambil Kerajaan untuk memastikan harga rumah stabil dan mampu milik terutamanya oleh M40 dan B40 dan langkah untuk menghabiskan lambakan rumah sedia ada di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Melalui kajian yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), peningkatan harga rumah adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti berikut:
  - i. Permintaan dan penawaran perumahan di sesuatu kawasan;
  - ii. Lokasi dan harga tanah;
  - iii. Kos bahan mentah, kos buruh dan kos pematuhan; dan
  - iv. Kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.
  
2. Selain itu, kawalan harga, kuota dan pembinaan bagi kediaman adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri yang dikawal melalui syarat di dalam Kebenaran Merancang (KM). Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui KPKT telah merangka Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 - 2025 serta Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) bagi memastikan semua golongan masyarakat terutamanya golongan B40 dan M40 agar dapat mendiami sebuah kediaman yang selesa dan berkualiti mengikut kemampuan mereka.

## NO SOALAN: 13

3. Melalui DRMM, Kementerian menyediakan panduan kepada pemaju dan kerajaan negeri mengenai penetapan kategori harga rumah mampu milik berdasarkan kepada harga rumah median semasa dengan menggunakan ketetapan gandaan median dan pendapatan isi rumah penengah (median). Penetapan harga mengikut kategori ini adalah mengikut negeri dan lokaliti. Secara umumnya, Kerajaan telah menetapkan rumah yang berharga RM 300,000 dan ke bawah adalah kadar harga rumah mampu milik di Malaysia yang terbahagi kepada 2 jenis iaitu:
- i. Jenis I : Harga RM150,000 dan ke bawah; dan
  - ii. Jenis II : Harga RM150,001 hingga RM300,000.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Suku Kedua 2019, terdapat 32,810 unit rumah siap dibina tidak terjual dengan nilai keseluruhan RM19.76 bilion sebagaimana jadual berikut:

## NO SOALAN: 13

### UNIT RUMAH SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL MENGIKUT KATEGORI HARGA (SUKU KEDUA TAHUN 2019)

KATEGORI HARGA	UNIT DILANCARKAN	UNIT TIDAK TERJUAL		NILAI TIDAK TERJUAL (RM JUTA)
		BIL.	%	
BAWAH RM300,000	39,787	11,511	28.9	2,279
RM300,001 -RM500,000	29,946	8,788	29.3	3,387
RM500,001 -RM700,000	25,128	5,217	20.8	3,117
RM700,001 -RM1000,000	14,011	3,081	22.0	2,585
ATAS RM1,000,000	15,252	4,213	27.6	8,391
<b>JUMLAH</b>	<b>124, 124</b>	<b>32,810</b>	<b>26.4</b>	<b>19,760</b>

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC),2019

5. Antara sebab berlakunya lambakan rumah mewah tidak terjual adalah kerana **ketidakmampuan rakyat untuk membeli rumah mengikut harga pasaran, ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan** (*supply and demand mismatch*) rumah mengikut lokasi serta **ketiadaan sistem data bersepadu** bagi memastikan kesepadanan antara penawaran dan permintaan rumah.
6. Justeru, KPKT dengan kerjasama NAPIC dan beberapa agensi lain sedang membangunkan ***Housing Integrated Management System (HIMS)*** bertujuan untuk menyediakan sistem lengkap mengenai maklumat penawaran dan permintaan rumah untuk mengurangkan *mismatch* serta memastikan perancangan perumahan yang lebih teratur dan sistematik dapat dilaksanakan.

## NO SOALAN: 13

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, beberapa usaha sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani isu perumahan termasuk peningkatan harga rumah seperti berikut:
- i. Penyediaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun;
  - ii. Memenuhi keperluan rakyat golongan B40 dan setinggan melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) dengan harga jualan dan kadar sewa yang minima;
  - iii. Menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah melalui Skim Perumahan Mampu Milik Swasta yang memberi bantuan kewangan kepada pembeli rumah pertama sebanyak RM30,000 seunit;
  - iv. Menyediakan perumahan bagi penjawat awam dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran melalui Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
  - v. Menyediakan perumahan mampu milik bagi golongan M40 dengan harga rumah yang lebih rendah daripada harga pasaran melalui Program Perumahan PR1MA, Program Rumah Aspirasi Rakyat dan Rumah Idaman Rakyat di bawah SPNB; dan

## NO SOALAN: 13

- vi. Program untuk membantu golongan yang ingin membina rumah sesebuah di atas tanah sendiri melalui Program Rumah Mesra Rakyat, SPNB.
8. Selain menyediakan rumah, Kerajaan juga membantu rakyat dengan menyediakan insentif pembiayaan dalam membantu meningkatkan akses pemilikan rumah dalam kalangan rakyat iaitu melalui:
- i. Pengurangan kadar faedah pinjaman perumahan (sehingga 3.5%) melalui Skim pembiayaan kewangan fleksi dan Skim Pembiayaan Dana RM1 bilion oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Skim Rumah Pertamaku (SRP), Skim Perumahan Belia (SPB);
  - ii. Pengurangan kadar bayaran bulanan melalui pemanjangan tempoh pembiayaan perumahan sektor awam di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di mana tempoh pembiayaan pertama daripada 30 tahun kepada 35 tahun; dan tempoh Pembiayaan Kedua daripada 25 tahun kepada 30 tahun;
  - iii. Kemudahan untuk mendapatkan pembiayaan perumahan menerusi Jaminan Cagamas SRP Berhad, *FundMyhome plus DepositKu (Crowd Funding)* dan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) meningkatkan keupayaan pembeli dengan memberi jaminan kewangan kepada pembeli; dan

## **NO SOALAN: 13**

- iv. Pengurangan kos pembelian rumah melalui Diskaun Plus, pengecualian duti setem dan penawaran diskaun oleh pemaju perumahan melalui kempen HOC.
9. Kesimpulannya, inisiatif-inisiatif ini telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu memastikan setiap rakyat mampu memiliki rumah berkualiti khususnya untuk golongan B40 dan M40.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan jangka panjang Kerajaan untuk mengurangkan isu kanak-kanak yang ditahan di imigresen supaya tidak mengganggu gugat proses pembelajaran dan pendidikan jangka panjang mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penahanan kanak-kanak melalui operasi penguatkuasaan seterusnya akan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen dan diasingkan mengikut jantina dan umur selaras Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Bagi kanak-kanak yang berusia kurang daripada 12 tahun, mereka akan ditempatkan bersama ibu, bapa atau penjaga mengikut jantina.

Terdapat dua (2) kategori kanak-kanak yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen iaitu:

- i. **kanak-kanak dengan penjaga** yang ditahan bersama-sama ibu bapa yang melakukan kesalahan imigresen; dan
- ii. **kanak-kanak tanpa penjaga** yang ditahan atas dasar kemanusiaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku setelah dikenalpasti sebagai warganegara asing. Kanak-kanak ini akan dirujuk kepada Perwakilan Asing bagi tujuan verifikasi dan dokumentasi sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Bagi memastikan kesejahteraan tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sedang melaksanakan Projek Rintis *Alternative to Detention* (ATD) yang melibatkan kanak-kanak tanpa

## **NO SOALAN: 14**

ibu, bapa atau penjaga di Depot Tahanan Imigresen. Projek Rintis ATD ini merupakan cadangan inisiatif di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) susulan daripada persetujuan Kerajaan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi meneliti cadangan penambahbaikan Depot Tahanan Imigresen.

Sehubungan itu, Pasukan Petugas Khas Projek Rintis ATD pada ketika ini sedang meneliti dan memperincikan mekanisme dan kaedah pelaksanaan Projek ini dari aspek kos, logistik, perundangan dan proses kerja sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah paling berkesan menangani kesesakan melampau di Tol Gombak dan Tol Bentong lebuhraya KL-Karak pada setiap petang Ahad kerana ia menjejaskan kelancaran jalan perhubungan utama Lembah Klang ke negeri-negeri Pantai Timur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, peningkatan jumlah trafik yang mendadak menjadi penyumbang kesesakan yang berlaku di mana statistik menunjukkan purata trafik harian di lebuh raya Kuala Lumpur - Karak adalah sebanyak 89,000 kenderaan sehari. Walau bagaimanapun, pada musim perayaan dan cuti panjang ianya meningkat kepada 230,000 iaitu peningkatan sebanyak 85%. Peningkatan jumlah trafik yang mendadak ini di musim perayaan ini juga berlaku di semua lebuh raya utama dan jalan raya utama di seluruh negara.

Berkaitan kesesakan yang berlaku plaza tol Gombak, pihak konsesi lebuh raya telah melaksanakan tindakan seperti berikut;

1. Memastikan semua lorong plaza tol dibuka secara maksimum iaitu 12 lorong selain turut menyediakan lorong tambahan (manual) mengikut keperluan operasi;
2. Menambah kakitangan operasi tol bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah di lorong tol selain menyediakan portable reader bagi membantu mempercepatkan transaksi pengguna;
3. Menutup operasi tambah nilai di lorong bagi mengurangkan masa menunggu (waiting time) di plaza tol khususnya semasa kesesakan;

## NO SOALAN: 15

4. Mewujudkan *Travel Time Advisory* (TTA) bagi memberi panduan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya merancang perjalanan bagi mengelakkan trafik di jangka pada waktu puncak;
5. Penggunaan papantanda elektronik (VMS) secara konsisten untuk memberitahu pengguna mengenai keadaan semasa di lebuhraya supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan juga untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai Tambah Nilai Touch 'n' Go sebelum memasuki lebuhraya.
6. Pembukaan lorong RFID di plaza tol Gombak dan Bentong untuk melancarkan transaksi trafik di plaza tol dan meminimalkan kesesakan.

Bagi mengurangkan kesesakan di laluan Pantai Timur ini, pihak kerajaan telah mengambil tindakan secara holistik iaitu mempertingkatkan keupayan pengangkutan awam melalui pembinaan ECRL yang dijangkakan akan dapat membantu mengurangkan kesesakan yang berlaku.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kenapa MRSM Imtiaz YT Ketengah Terengganu ditutup dan digantikan dengan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan penubuhan MRSM Yayasan Terengganu (YT) telah disuarakan oleh YAB Menteri Besar Terengganu ketika lawatan kerja ke Wilayah Ketengah pada 2 Disember 2014. Yayasan Terengganu telah mengemukakan surat niat bertarikh 9 Mac 2015 kepada MARA dengan cadangan mengadakan usahasama antara Yayasan Terengganu dan MARA.

Perjanjian penubuhan MRSM Imtiyaz Yayasan Terengganu Ketengah telah ditandatangani pada 9 April 2016. Melalui perjanjian ini, MARA dan Yayasan Terengganu bersetuju terhadap tanggungjawab yang telah ditetapkan. MRSM Yayasan Terengganu Ketengah telah memulakan operasi secara rasmi pada 7 Mac 2016 dengan kemasukan staf sokongan dan ahli pengurusan seterusnya kemasukan guru pada 14 Mac 2016 dan disusuli kemasukan pelajar tingkatan 4 seramai 130 orang pada 21 Mac 2016. Pada masa ini, terdapat 181 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 yang sedang mengikuti pengajian di MRSM Yayasan Terengganu Ketengah.

Penutupan MRSM Imtiyaz Yayasan Terengganu Ketengah dibuat susulan notis penutupan yang diterima oleh MARA melalui surat bertarikh 14 Julai 2019 daripada Yayasan Terengganu. Penutupan operasi MRSM Imtiyaz Yayasan Terengganu Ketengah berkuatkuasa pada 31 Disember 2019 berikutan perancangan dari kerajaan negeri Terengganu untuk menggunakan premis tersebut sebagai Sekolah Menengah Darul Iman.

## **NO SOALAN: 16**

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pengurusan MARA telah mengambil tindakan selaras dengan cadangan penutupan operasi dan pemindahan MRSM Imtiyaz Yayasan Terengganu Ketengah seperti berikut:

- a. Penempatan pelajar – seramai 134 orang pelajar tingkatan 5 tahun 2020 akan ditempatkan di MRSM Kuala Terengganu mulai 1 Januari 2020.
- b. Penempatan guru dan staf pentadbiran: semua guru dan staf pentadbiran MRSM Yayasan Terengganu Ketengah akan dibuat penempatan semula mengikut kekosongan di pusat-pusat MARA berdekatan.
- c. Penempatan aset: semua aset termasuk inventori milik MARA akan dipindahkan ke MRSM lain yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah penggunaan tenaga solar menerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia benar-benar mesra rakyat dan dapat mengurangkan kos kehidupan rakyat di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam usaha bagi memastikan agenda Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang dibawa oleh Kerajaan disertai oleh segenap lapisan masyarakat Kerajaan telah melaksanakan program MySuria pada tahun 2017.
2. Program MySuria ini memberi tumpuan untuk membantu golongan B40 meningkatkan pendapatan melalui penjualan tenaga elektrik yang dijana daripada sistem solar PV yang dipasang di kediaman peserta kepada syarikat utiliti. Model bantuan kepada rakyat B40 ini menggabungkan elemen teknologi hijau dengan elemen bantuan sosial.
3. Program ini menggunakan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) bagi 10 tahun yang pertama pelaksanaannya dan peserta menerima minimum RM250 sebulan hasil daripada penjanaan tenaga elektrik. Manakala, bagi tempoh 10 tahun seterusnya program ini dilaksanakan di bawah program *Net-Energy Metering* (NEM).
4. Pelaksanaan program ini diharap dapat memberi manfaat dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi bagi golongan berpendapatan rendah (B40) dan membantu menaikkan taraf hidup mereka kepada kelas pertengahan (M40) dengan memanfaatkan sumber tenaga solar

## **NO SOALAN: 17**

bagi menjana pendapatan tambahan untuk menghasilkan tenaga bersih / lestari.

5. Pada Januari 2019, Kerajaan juga telah menambahbaik program NEM di mana tenaga lebihan yang dijana boleh dijual ke grid pada kadar 1-to-1, iaitu kadar tenaga elektrik yang dibeli oleh pengguna. Dengan ini, pengguna dapat menikmati penjimatan bil elektrik. Penyertaan dalam program NEM ini membolehkan pengguna menikmati penjimatan bil elektrik bulanan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup.
6. Melalui penambahbaikan NEM, dari 1 Januari 2019 hingga 31 Oktober 2019, sebanyak 18.17MW telah berjaya disambungkan ke grid utiliti berbanding tahun 2016 hingga 2018, di mana hanya 13.03MW sahaja yang berjaya disambungkan.
7. Di bawah program NEM, dua faktor utama yang mempengaruhi penjimatan adalah jumlah penggunaan elektrik bulanan dan kapasiti sistem solar PV yang dipasang di premis milik pengguna. Semakin tinggi kapasiti sistem solar PV yang dipasang, semakin tinggi penjimatan yang akan diperolehi tertakluk kepada spesifikasi teknikal. Pelaksanaan program NEM bagi tahun 2019 telah mewujudkan sebanyak 2,980 peluang pekerjaan khususnya dalam membina, mengoperasi dan menyelenggara sistem solar PV.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah program Karnival Sukan Sekolah-sekolah Kebangsaan Orang Asli Peringkat Kebangsaan dapat mencungkil bakat-bakat baru untuk menjadi atlet negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli (KSSMOA) telah bermula pada tahun 2007 untuk murid Orang Asli kategori bawah 12 tahun yang pada asalnya hanya melibatkan penyertaan daripada hanya tiga (3) buah negeri iaitu Pahang, Perak dan Kelantan. Walau bagaimanapun, saban tahun pelibatan daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di dalam kejohanan ini telah meningkat sebagai satu usaha dalam memberi peluang dan mencungkil bakat murid Orang Asli di negeri-negeri yang terlibat mempamerkan kemampuan mereka dalam acara sukan.

Sehingga kini, sebanyak lima (5) acara telah dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu bola baling, bola sepak 9 sebelah, balapan dan padang, sepak takraw dan mini ragbi. Dalam mencungkil bakat-bakat baharu, KPM telah menjadikan kejohanan ini sebagai acara tahunan dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat dan Jabatan Pendidikan Negeri. Bakat-bakat murid orang Asli telah dikenal pasti oleh jurulatih-jurulatih yang dilantik melalui kejohanan di peringkat daerah dan negeri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Zahari bin Sarip** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah guru-guru Tadika Kemas yang terlibat dalam program peningkatan taraf profesionalisme guru kemas sama ada yang sedang dan telah tamat pembelajaran mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bermula pada bulan Januari 2007, KEMAS telah melaksanakan Program Peningkatan Profesionalisma dengan meningkatkan kelayakan akademik Pemaju Masyarakat Tabika dan Taska PERMATA KEMAS ke tahap Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2008 dan Kolej KETENGAH pada tahun 2012 yang dilaksanakan secara Kursus Dalam Cuti (KDC) dengan tempoh pengajian adalah selama 3 tahun.

Bermula dari tahun 2016, KEMAS telah menghantar seramai 70 hingga 120 orang guru Tabika setahun untuk menyambung pengajian di peringkat diploma. Sehingga tahun 2019 seramai 4,858 orang guru-guru Tabika KEMAS menyambung pelajaran ke peringkat Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dan daripada jumlah tersebut seramai 4,636 orang telah tamat pengajian dan seramai 222 orang masih dalam pengajian.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Zaiedi Suhaili** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak dasar baharu berkenaan cermin gelap kereta dilaksanakan berapakah jumlah kenderaan yang telah memohon untuk memasang cermin gelap seperti dibenarkan di bawah dasar ini kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah menguatkuasakan peraturan baharu penggunaan cermin gelap di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) Pindaan (2019).

2. Bermula Jun 2019, JPJ telah menerima sebanyak 413 permohonan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 233 permohonan telah diluluskan dengan jumlah kutipan hasil sebanyak RM 1,165,000.00 bagi faktor keselamatan. Manakala bagi permohonan atas faktor kesihatan, sebanyak 25 permohonan yang telah diluluskan di mana tiada sebarang fi yang dikenakan bagi permohonan di atas faktor ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kes bunuh diri di Malaysia, yang berjaya dan yang gagal, dan apakah langkah-langkah untuk menurunkan kadar kematian bunuh diri dan percubaan bunuh diri, terutamanya pelan yang mensasarkan golongan muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan mental di negara ini. KKM kini sedang dalam proses pembangunan Sistem Registri Kebangsaan bagi Kematian Akibat Bunuh Diri dan Percubaan Bunuh Diri. Berikutan itu, KKM masih belum dapat melaporkan data rasmi berkaitan jumlah kes bunuh diri dan percubaan bunuh diri.

Namun demikian, berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan pada tahun 2017, ia mendapati kecenderungan bunuh diri dalam kalangan remaja berumur antara 13 dan 17 tahun menunjukkan peningkatan tren bagi prevalen idea bunuh diri iaitu dari 7.9% dalam tahun 2012 kepada 10% dalam tahun 2017.

KKM mengambil berat akan hal ini dan komited untuk melaksanakan tindakan pencegahan bagi memastikan masalah kesihatan mental serta mengurangkan kejadian bunuh diri terutamanya dalam kalangan golongan muda dapat dikurangkan. Di antara tindakan yang diambil adalah melalui strategi promosi kesihatan mental. Aktiviti-aktiviti kesedaran kesihatan mental dilaksanakan melalui kempen '*Let's TALK Minda Sihat*' yang merupakan satu inisiatif baru yang akan dikendalikan pada bulan Oktober setiap tahun dengan penglibatan beberapa agensi-agensi kerajaan dan NGO bagi membina kesedaran rakyat mengenai kepentingan minda sihat serta usaha mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental. Kempen ini

## NO SOALAN: 21

telah dilancarkan pada bulan Oktober tahun ini semasa sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia, di mana ianya memberi fokus kepada golongan remaja dan dewasa.

KKM turut menyediakan perkhidmatan saringan dan rawatan bagi masalah kesihatan mental di 60 buah hospital kerajaan, 1,001 buah klinik kesihatan dan 25 buah Pusat Komuniti Kesihatan Mental (MENTARI). Individu yang mempunyai masalah berkaitan isu-isu kesihatan mental boleh mendapatkan bantuan melalui talian *Hotline* (bebas tol) 24 jam +603-79568145 yang dikendalikan oleh *The Befrienders*.

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia mengalu-alukan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk lebih aktif melaksanakan aktiviti promosi kesihatan mental. Kerjasama sebelum ini telah melibatkan Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, NIOSH, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti *The Befrienders*, *Malaysian Mental Health Association*, *Mental Health Foundation*, *Mental Illness Awareness & Support Association* (MIASA), MyPerintis, MPA dan lain-lain dalam melaksanakan program-program promosi dan pencegahan bagi menangani masalah kesihatan mental.

Di antara program-program yang dilaksanakan termasuklah Program Minda Sihat Sekolah, Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL) dan *Sweat-Off Depression Away* (SODA). Kementerian Komunikasi dan

## **NO SOALAN: 21**

Multimedia Malaysia telah turut bekerjasama bagi menambahbaik pelaporan bunuh diri di media dan menghapuskan stigma serta memantau individu yang mempunyai keinginan bunuh diri di media sosial. Inisiatif ini diharapkan akan menggalakkan individu yang mengalami masalah kesihatan mental tampil awal untuk mendapatkan rawatan segera.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cukai pelancongan hanya dikenakan kepada pelancong yang menginap di hotel sahaja, adakah cukai pelancongan ini juga akan dikenakan kepada pelancong yang menginap di asrama (hostel) dan berapakah tarif cukai tersebut, jika ia dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana orang yang mengendalikan dan menyediakan premis penginapan sebanyak 5 buah bilik dan ke atas kepada pelancong asing bagi tujuan perniagaan adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017. Premis penginapan mempunyai erti yang dinyatakan dalam subseksyen 2(1) Akta Industri Pelancongan 1992 iaitu mana-mana bangunan termasuk hotel, asrama, rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah pemalaman.

Premis penginapan berikut adalah dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan tidak tertakluk kepada cukai pelancongan:-

- a. *Homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- b. *Kampungstay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- c. premis penginapan milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau institusi pendidikan tinggi swasta yang digunakan untuk tujuan pendidikan, latihan atau kebajikan;
- d. premis penginapan yang dikendalikan oleh majikan untuk kemudahan pekerjanya;

## **NO SOALAN: 22**

- e. premis penginapan yang dikendalikan oleh badan agama atau kebajikan bagi maksud aktiviti keagamaan atau kebajikan;
- f. premis penginapan yang mempunyai empat bilik penginapan atau kurang; dan
- g. premis penginapan yang dikendalikan oleh institusi pendidikan swasta sebagai kemudahan bagi murid institusi pendidikan swasta itu.

Premis penginapan selain daripada premis yang dikecualikan di atas adalah bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 dan pengendalinya perlu mengutip cukai pelancongan daripada pelancong asing yang menginap. Kadar cukai pelancongan bagi semua jenis premis penginapan ini adalah sama iaitu RM10 per bilik per malam.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam meningkatkan daya saing peminjam berlesen memandangkan kebanyakan peminjam lebih cenderung untuk meminjam duit daripada peminjam haram kerana prosesnya yang lebih pantas dan longgar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKCC) sentiasa memastikan agar industri Kredit Komuniti atau dahulunya dikenali dengan nama Pemberi Pinjam Wang (PPW) berkembang dengan sihat seiring dengan proses pembangunan negara dan permintaan terhadap pinjaman kredit oleh pengguna.
2. Walaupun proses peminjaman wang di bawah syarikat Kredit Komuniti berlesen mengambil masa yang sedikit panjang, namun peminjam mendapat lebih manfaat terutamanya hak dan tanggungjawab sebagai peminjam dengan syarat yang amat jelas sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). Bagi proses peminjaman berlesen, setiap peminjam hendaklah diberikan pernyataan atau maklumat yang tidak mengelirukan bagi perjanjian pinjaman yang dibuat. Berbeza dengan PPW haram yang lazimnya perjanjian dan terma-terma pinjaman adalah secara lisan dan boleh berubah-ubah mengikut kehendak PPW haram. Selain itu, kadar faedah yang dikenakan oleh PPW tidak berlesen ini adalah tidak tetap dan boleh mencecah sehingga 50% sebulan mengikut keadaan.

## NO SOALAN: 23

3. Sehubungan itu, beberapa usaha telah dan akan dilaksanakan oleh KPKT dalam meningkatkan daya saing Kredit Komuniti berlesen berbanding PPW tidak berlesen iaitu:
- (i) Menambah baik Akta 400 dengan mengambil kira beberapa peruntukan tambahan yang mewujudkan kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2018 bagi kesalahan-kesalahan tertentu untuk penguatkuasaan yang lebih berkesan;
  - (ii) Menambah baik imej PPW melalui penjenamaan semula PPW kepada perkhidmatan Kredit Komuniti yang bertujuan untuk memberi imej yang positif kepada syarikat PPW yang berlesen di bawah KPKT di samping membezakan syarikat ini dengan syarikat PPW yang tidak berlesen atau *Ah Long*. Penjenamaan ini turut diharapkan dapat mengikis tanggapan dan persepsi negatif masyarakat terhadap industri Kredit Komuniti yang dikawal selia oleh KPKT selain dapat memastikan hak peminjam akan terus dilindungi di bawah Akta 400;
  - (iii) Memberi penekanan kepada proses peminjaman di bawah syarikat Kredit Komuniti. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua proses peminjaman hendaklah mematuhi Akta 400 serta Peraturan-peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003. Proses peminjaman tersebut hendaklah dilaksanakan secara teratur dan *due diligence* untuk mengelakkan sebarang perkara yang akan mengakibatkan hak-

## NO SOALAN: 23

hak peminjam atau syarikat Kredit Komuniti itu sendiri terjejas;  
dan

- (iv) Mempergiat usaha untuk memberi penerangan berkaitan kelebihan membuat pinjaman dengan perkhidmatan Kredit Komuniti berbanding dengan PPW haram melalui pameran-pameran KPKT, media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan laman web KPKT. Bagi tahun 2020, KPKT merancang untuk menjalankan pelbagai program *outreach* di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap syarikat Kredit Komuniti serta perbezaannya dengan PPW haram. Tambahan lagi, KPKT juga bercadang untuk mengadakan lebih banyak promosi dengan mengadakan slot wawancara di TV dan radio serta mengadakan sidang akhbar bagi pengeluaran kompaun dan serbuan yang dijalankan ke atas operasi Kredit Komuniti yang melanggar akta atau peraturan sedia ada. Ini untuk memastikan orang ramai lebih sedar akan hak mereka sebagai peminjam dan lebih prihatin berkenaan kepentingan membuat pinjaman daripada syarikat Kredit Komuniti yang berlesen dan dikawal selia oleh KPKT.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi meningkatkan keluaran produk getah yang kian perlahan ketika ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, eksport barangan getah adalah RM23.8 bilion bersamaan 75.4% daripada jumlah eksport industri getah sebanyak RM31.6 billion. Eksport barangan getah ini telah meningkat tinggi secara purata sebanyak 16.1% sejak 2014. Namun, Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan pengeluaran produk berasaskan getah dengan melaksanakan pelbagai langkah termasuk:

- (a) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di peringkat hiliran bagi menjamin kelestarian produk getah di samping meningkatkan nilai tambah produk getah;
- (b) meningkatkan penggunaan getah dalam negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan projek infrastruktur serta penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti gelas getah struktur (*structural bearings*), fender dermaga (*dock fender*) dan lain-lain;
- (c) Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) bekerjasama dengan beberapa pengeluar barangan getah tempatan dalam membangunkan produk berasaskan bahan termaju seperti sarung tangan "*electrosatic dissipative (ESD)*" dan radioterapi yang menggunakan nanotiub karbon untuk kegunaan industri;

## NO SOALAN: 24

- (d) memberikan latihan dan sokongan teknikal kepada usahawan-usahawan kecil tempatan dalam mengeluarkan produk-produk getah yang dibangunkan oleh LGM seperti cat, perekat, busa lateks dan sebagainya;
- (e) meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu melalui aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan luar negara dengan penyertaan *tradeshows*, seminar perdagangan, pameran, ekspo perdagangan, misi teknikal serta dialog. Aktiviti promosi produk getah Malaysia di pasaran antarabangsa akan dipergiatkan lagi terutamanya di negara-negara maju dan membangun yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi serta menunjukkan peningkatan peruntukan bagi sektor kesihatan dan pembangunan seperti Amerika Syarikat, Jepun, China, India, Filipina dan Indonesia;
- (f) melancarkan Dana Automasi dan Teknologi Hijau berjumlah RM20 juta melalui MREPC bagi menggalakkan pengilang produk getah terutamanya dalam kalangan industri kecil dan sederhana untuk mempertingkatkan usaha ke arah proses pengeluaran yang lebih mampan dan bercirikan Revolusi Industri 4.0; dan
- (g) mengambil langkah-langkah untuk memastikan produk getah yang digunakan di pasaran domestik menepati piawaian antarabangsa seperti ISO untuk memastikan kualiti dan keselamatan penggunaan produk. Ini boleh merangsang penerimaan yang lebih tinggi oleh pengguna terhadap produk getah kerana mutu yang terjamin.

**NO SOALAN: 24**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbandingan bantuan oleh Kerajaan PH dan Kerajaan BN dari segi bantuan sara hidup, bantuan kepada peneroka, penoreh, nelayan, golongan B40 dan M40, golongan pelajar dan mahasiswa dan mahasiswi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Belanjawan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang pertama dibentangkan pada tahun 2018 (Belanjawan 2019) menumpukan kepada konsolidasi dan rasionalisasi fiskal, reformasi institusi dan dasar berjiwa rakyat bagi memperbetulkan penyelewengan kewangan dan salah guna kuasa di bawah pentadbiran terdahulu. Kerajaan PH juga komited menstabilkan semula kedudukan kewangan dan mempunyai tanggungjawab untuk memulangkan kesemua tunggakan bayaran balik cukai pada tahun 2019. Selain itu, Kerajaan juga terpaksa menanggung komitmen bayaran liabiliti antaranya melibatkan 1MDB sebanyak RM1.7 bilion dan SRC International sebanyak RM683 juta yang menghadkan ruang fiskal Kerajaan dalam menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi tujuan bantuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap akan mengimbangi keutamaan pembangunan ekonomi untuk menambahbaik kesejahteraan sosioekonomi rakyat. Kerajaan pada masa ini juga sedang melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi di bawah inisiatif mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi tidak kritikal dengan mengalihkan secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal, yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang bersasar (*well-targeted*).

## **NO SOALAN: 25**

Bantuan Sara Hidup (BSH) telah ditambahbaik di mana BSH telah memperkenalkan bantuan mengikut kategori pendapatan malah setiap penerima BSH juga menerima bantuan RM120 bagi setiap anak terhadap kepada empat (4) orang anak. Bermula tahun 2020 pula, Kerajaan telah menambah baik kriteria penerima BSH dengan memperluaskan skim ini meliputi 1.1 juta individu bujang berumur melebihi 40 tahun yang berpendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan. Sebagai tambahan, OKU berumur 18 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan juga layak menerima BSH. Individu bujang berumur 40 tahun ke atas dan OKU layak menerima sebanyak RM300. Selain itu juga, golongan B40 yang berusia antara 40 tahun hingga 60 tahun layak menerima Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) yang dilancarkan untuk menyediakan pemeriksaan dan intervensi awal bagi mengesan penyakit tidak berjangkit seperti kesihatan mental dan kanser.

Bagi golongan penoreh, Kerajaan PH telah menambah baik Insentif Pengeluaran Getah dengan meningkatkan harga lantai dari RM2.20/kg kepada RM2.50/kg bermula tahun 2019. Kerajaan juga telah bersetuju untuk meningkatkan Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Bagi M40, Kerajaan telah memperluaskan skim perlindungan kesihatan takaful percuma MySalam yang sebelum ini hanya menumpukan kepada golongan B40. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah memperkenalkan program subsidi bersasar yang memberi kemudahan subsidi petrol RON95 kepada penerima yang layak dalam kalangan B40 dan M40.

## **NO SOALAN: 25**

Mahasiswa dan mahasiswi tidak pernah dipinggirkan. Antara langkah awal Kerajaan ialah memperluaskan laluan kerjaya graduan TVET untuk melanjutkan pengajian dan mendapatkan pekerjaan. Justeru, Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) akan mula menawarkan kursus ijazah sarjana muda untuk pelatih yang telah menamatkan pengajian dari Kolej Vokasional bermula tahun 2020. Selain itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion bagi tujuan pelbagai biasiswa dan RM2 bilion biasiswa di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan tetap komited untuk terus membantu mahasiswa dan mahasiswi dalam golongan B40 melanjutkan pelajaran mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hala tuju dan langkah-langkah yang diambil bagi melahirkan generasi anak muda yang berakhlak mulia melalui program-program yang dijalankan di bawah Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menentukan hala tuju anak muda, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melancarkan Dasar Belia Malaysia yang bersifat holistik dan berpandukan perlembagaan persekutuan serta rukun negara melalui penekanan kepada sembilan (9) Bidang Keutamaan Belia iaitu:
  - i. Pendidikan dan Latihan Kemahiran,
  - ii. Kenegaraan dan Jati Diri,
  - iii. Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera,
  - iv. Kepemimpinan,
  - v. Kesukarelawananan dan Masyarakat Sivil,
  - vi. Keusahawanan,
  - vii. Penyelidikan dan Inovasi,
  - viii. Profesionalisme Kerja Belia, dan
  - ix. Pengiktirafan.
  
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai jenis program untuk melahirkan generasi anak muda yang berakhlak mulia serta mengukuhkan jati diri dan sosial. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

## NO SOALAN: 26

- a. Masalah sosial di kalangan belia dapat dikurangkan sekiranya belia-belia ini dapat memenuhi waktu pengisian mereka dengan program-program yang bersesuaian dengan jiwa dan minat mereka. Dengan itu, inisiatif *Youth Power Club* (YPC) dilihat akan mendukung konsep dari belia untuk belia kerana YPC itu sendiri akan dianggotai oleh belia-belia di peringkat lokaliti bagi menggerakkan program-program kesesuaian bagi anak-anak muda di kawasan setempat. Apabila mereka berminat untuk menyertai YPC sehingga tiada masa terluang untuk melakukan perkara tidak berfaedah, maka pastinya inisiatif ini dapat mengurangkan serta membendung gejala masalah sosial. Sehingga 26 November 2019, sebanyak 121 YPC telah lulus berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan pastinya mampu menjadi pelengkap kepada gerakan pertubuhan belia untuk menawarkan pelbagai peluang aktiviti kepada belia-belia setempat.
  
- b. Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda telah mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 2001 dan bersempena Program Duke of Edinburgh's Award yang telah mula diperkenalkan di United Kingdom pada tahun 1956. Ianya adalah satu wadah bagi memberi sokongan dan semangat kepada golongan remaja di dalam menanamkan nilai-nilai seperti semangat, bekerjasama ke arah mencapai personaliti unggul serta mengiktiraf penglibatan golongan muda berusia 14 hingga 25 tahun. Piawaian antarabangsa bagi Program Anugerah ini mewajibkan peserta menjalani empat (4) komponen iaitu

## NO SOALAN: 26

Khidmat Masyarakat, Rekreasi Fizikal, Kemahiran dan Penjelajahan Lasak. Pengiktirafan diberi kepada tiga (3) tahap iaitu tahap Gangsa, Perak dan Emas. Seramai 162,198 peserta telah ditauliahkan mengikut tahap masing-masing iaitu; tahap gangsa seramai 116,558, tahap perak seramai 44,345 dan tahap emas seramai 1,295.

- c. Program *MyCorps* merupakan Program Kepimpinan Kesukarelawanan Belia Antarabangsa yang bertujuan untuk membentuk sendiri dan jati diri Belia Malaysia melalui khidmat, sumbangan serta pengalaman dalam kerja-kerja kesukarelawanan khasnya dengan menyasarkan untuk melahirkan sukarelawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat global. Dari tahun 2015 sehingga Jun 2019, seramai 348 belia telah menyertai lapan misi di negara Kemboja, Timur Tengah, Asia Selatan, Malaysia dan ASEAN.
- d. Program Rakan Muda Ramadhan merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Program ini menyasarkan penyertaan anak muda di peringkat akar umbi melalui aktiviti bertadarus, solat berjemaah, program khatam al-Quran dan gotong royong yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2019, seramai 15,178 peserta telah mengikuti program tadarus dan khatam Al-Quran Rakan Muda Ramadhan.

## NO SOALAN: 26

- e. Program Inspirasi Anak Muda merupakan sebuah program intervensi kepada belia awal berumur 15 – 17 tahun yang bertujuan untuk membimbing anak muda agar terhindar daripada terlibat daripada masalah sosial yang lebih serius. Ia juga menjadi satu platform kepada peserta untuk mengenal pasti bakat dan minat dalam pelbagai bidang. Peserta juga berpeluang untuk mengembangkan bakat melalui program dan aktiviti sedia ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Program ini mengguna pakai modul *Super Skill for Life* (SSL-A) yang telah diaplikasikan di beberapa buah negara luar. Projek rintis bagi tahun 2019 telah dilaksanakan di tujuh (7) buah negeri iaitu Melaka, KL, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dengan penyertaan seramai 735 orang.
- f. Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) adalah berdasarkan lima (5) elemen iaitu kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ianya merupakan sebuah program baharu yang dibentuk untuk melahirkan pemimpin belia yang boleh menyumbang sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platform khusus bagi mempersiapkan *future-ready leader* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan. Seramai 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program ini dan sehingga

**NO SOALAN: 26**

kini jumlah peserta yang menyertai program ini adalah seramai 24403 orang yang bermula sejak 1 April 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengehadkan tempoh masa seseorang pegawai/pengarah kakitangan awam supaya tidak bertugas terlalu lama di sesuatu jabatan/kementerian seperti yang diamalkan di sektor swasta selama 5 tahun.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 iaitu mengenai Panduan Pertukaran Pegawai Awam, di mana Ketua Jabatan boleh menggunakan dasar pertukaran tersebut sebagai panduan dalam melaksanakan urusan pertukaran supaya ia teratur dan seragam:
  - a) menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif;
  - b) menukarkan pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tetapi tidak melebihi 8 tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif;
  - c) seseorang pegawai itu boleh ditukarkan sama ada atas arahan Ketua Jabatan ataupun atas permintaan pegawai itu sendiri yang dipersetujui oleh Ketua Jabatan berdasarkan kepentingan perkhidmatan tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang dinyatakan di perenggan (i) dan (ii) di atas; dan
  - d) tidak menggunakan pertukaran sebagai hukuman kecuali pertukaran tersebut dapat membantu melicinkan proses tindakan tatatertib yang sedang diambil terhadap pegawai berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan kontrak-kontrak Kerajaan turut memberi ruang dan peluang kepada usahawan-usahawan baharu khususnya yang terdiri daripada golongan belia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sentiasa menggalakkan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan melalui agensi-agensi yang berkaitan di bawahnya.
2. Bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia dan generasi muda, SME Corp. Malaysia telah menjalankan program pembangunan kapasiti khusus untuk golongan tersebut iaitu menerusi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program di bawah SME Corp. ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2014 telah berjaya melatih 5,001 belia dan mewujudkan 10,010 peluang pekerjaan diwujudkan sejak ia mula dilancarkan.
3. Kementerian melalui SME Bank sentiasa bersedia untuk menyalurkan bantuan pembiayaan bagi usahawan-usahawan baharu khususnya yang terdiri daripada golongan belia yang mendapat kontrak-kontrak Kerajaan melalui pelbagai program pembiayaan yang ditawarkan seperti Skim Pembiayaan Kontrak.
4. Dalam memupuk usahawan-usahawan muda yang berminat dalam bidang keusahawanan, SME Bank telah menganjurkan Pertandingan SME Bank 90-Days Biz Challenge bermula pada tahun 2015 yang terbuka kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti dan Politeknik di seluruh

## NO SOALAN: 28

Malaysia. Pertandingan ini merupakan kesinambungan bagi program SME Bank Y-Biz Challenge yang disasarkan kepada kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia.

5. Bagi merangsang idea inovasi dalam perniagaan, SKM turut menganjurkan Pertandingan Perniagaan Koperasi Sekolah (Program *Young Entrepreneur School for Success (YESS)*) setiap tahun bagi memberi peluang murid yang mewakili koperasi sekolah membentangkan produk berinovasi yang diwujudkan dan pelan perniagaan bagi mengkomersialkannya serta pencapaian yang diperolehi. Bagi tahun 2019, Program *Young Entrepreneur School for Success (YESS)* Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 24 hingga 26hb September 2019 dan disertai oleh 14 buah koperasi sekolah bagi setiap negeri.
6. Melalui usaha ini akan menggalakkan penyertaan usahawan-usahawan PKS dari kalangan belia untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka selain memberi impak positif terhadap pertumbuhan industri tempatan dan penggunaan bahan, produk dan perkhidmatan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian memperketatkan perundangan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Akta 301) ke atas penerbitan buku, komik atau bahan bacaan selepas kejadian komik 'Inisiatif Jalur dan Jalan - Meraih Manfaat Bersama' (BRI).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri melihat tiada keperluan atau cadangan untuk memperketatkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Tindakan yang diambil ke atas sesebuah hasil penerbitan adalah berdasarkan kepada peruntukan sedia ada yang termaktub di dalam Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 adalah termasuk dalam salah satu akta yang sedang dikaji kedudukannya selari dengan Janji 27, Manifesto Pakatan Harapan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI  
MAHAMAD  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan prestasi liputan Jalur Lebar di kawasan pinggir atau luar bandar di seluruh negara sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan pinggir dan luar bandar.
2. Di antaranya adalah melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Lebih daripada 625 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 748 ibu sawat di seluruh negara, manakala sebanyak lebih 61 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan.
3. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 2,446 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 200 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 30**

4. Selain itu, sebanyak 5,130 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G manakala 49 stesen pemancar masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara.
5. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti ini telah menyumbang kepada peningkatan kepada liputan jalur lebar mudahalih di kawasan berpenduduk di Malaysia, iaitu 95.5% bagi liputan 3G dan 82.2% bagi liputan 4G setakat Oktober 2019.
6. Untuk perancangan seterusnya, pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara. Selain itu, NFCP turut menyasarkan 20% premis di kawasan pinggir bandar dan luar bandar tersedia dengan capaian sehingga 500Mbps menjelang tahun 2022.

**NO SOALAN: 30**

<b>Inisiatif – seluruh negara</b>	<b>Siap</b>	<b>Dalam Pelaksanaan</b>
Menara Komunikasi Baharu	2,446 lokasi	200 lokasi
Naik Taraf Stesen Pemancar di Menara Sedia Ada	5,130 stesen pemancar	49 stesen pemancar
Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) & Jalur Lebar Luar Bandar (RBB)	625,857 sambungan	61,156 sambungan

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk meningkatkan kualiti guru-guru sekolah mengikut tahap atau piawaian antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa guru-guru KPM akan terus berkualiti melalui beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Di peringkat guru praperkhidmatan, kesemua 22 bidang Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), sebuah badan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Selain itu, sesi pengajaran kepada bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara menerapkan model *New Pedagogy Deep Learning* (NPDL) berdasarkan model Michael Fullan dari University of Toronto Canada.

Bagi memastikan kualiti guru terus ditingkatkan seiring dengan perkembangan semasa, pelbagai latihan dan program secara berterusan dilaksanakan kepada guru di semua sekolah bagi memastikan pedagogi, kemahiran dan kompetensi mereka berada pada tahap yang tinggi.

Selain itu, bagi memastikan guru Malaysia mencapai standard kualiti yang ditetapkan, KPM telah membangunkan dokumen Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM 2.0) semakan semula SGM 2009 dengan merujuk kepada *Southeast Asia Teacher Competency Framework* (SEA-TCF). SGM 2.0 akan menjadi panduan kepada semua guru, pemimpin dan pengurus

## **NO SOALAN: 31**

sekolah/institusi/agensi pendidikan serta pemegang taruh dalam bidang pendidikan untuk menilai tahap kompetensi guru dan merancang keperluan pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) mereka, lantas memastikan kualiti guru di Malaysia mencapai piawaian/standard antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan cara-cara Kementerian dapat mengesan atlet-atlet yang mengambil 'doping' dalam pertandingan dan tindakan yang akan diambil terhadap atlet berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Antidoping Malaysia (ADAMAS) sangat komited dalam memastikan atlet bebas daripada penggunaan bahan dan kaedah yang dilarang seperti yang telah dikuat kuasakan oleh *World Anti-Doping Agency* melalui *World Anti-Doping Code Prohibited List*.
2. Sehubungan itu, sebagai langkah pemantauan bagi memastikan atlet tidak menggunakan bahan dan kaedah yang dilarang, kementerian melalui ADAMAS melaksanakan ujian antidoping melalui pengambilan sampel air kencing dan sampel darah atlet secara berterusan. Bagi memastikan ujian dilaksanakan secara efisien, ADAMAS telah mengamalkan sistem "*smart testing*" iaitu sebuah strategi ujian yang memberi fokus "*to test the right athlete for the right substance at the right time.*" Sampel air kencing dan darah ini seterusnya akan dihantar ke makmal antarabangsa terpilih yang diiktiraf oleh *World Anti-Doping Agency* bagi mengesan jika ada bahan larangan dalam tubuh badan atlet.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan salah satu daripada 145 buah negara yang telah menandatangani persetujuan mengguna pakai *World Anti-Doping Code* dalam urusan tadbir urus antidoping di negara ini. *World Anti-Doping Code* merupakan sebuah dokumen rasmi yang mengandungi peraturan antidoping termasuk

## NO SOALAN: 32

tindakan yang mesti diambil terhadap individu yang melakukan kesalahan doping.

4. Atlet, jurulatih dan semua individu yang terlibat dalam aktiviti sukan disaran agar sentiasa mematuhi peraturan antidoping dan peka terhadap bahan yang diambil dan dimakan termasuk apa-apa yang masuk ke dalam tubuh mereka. Hal ini demikian kerana *World Anti-Doping Code* menetapkan prinsip *strict liability* dan meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada atlet dalam memastikan bahan yang diambil adalah bukan bahan yang dilarang.
5. Berdasarkan *World Anti-Doping Code*, atlet, jurulatih dan semua individu yang terlibat dalam aktiviti sukan yang melakukan kesalahan doping akan dikenakan tindakan berupa penggantungan daripada penyertaan dalam aktiviti sukan dengan hukuman maksimum penggantungan seumur hidup. Di samping itu, pingat, anugerah, hadiah dan ganjaran yang telah dimenangi atlet dalam sesuatu kejohanan atau pertandingan akan ditarik semula jika dia didapati telah melakukan kesalahan doping.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian mengenai satu berita yang disiarkan di akhbar bahasa Tamil iaitu 3,000 doktor perubatan akan menganggur pada tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan berlandaskan ketetapan Akta Perubatan 1971 bertanggungjawab untuk menempatkan graduan perubatan menjalani latihan siswazah di fasiliti kesihatan yang diiktiraf. Pada tahun 2016, Kerajaan telah memutuskan supaya kaedah pelantikan graduan perubatan diubah daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak bagi membolehkan graduan perubatan menjalani latihan siswazah, tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap.

Pada masa ini, tempoh lantikan secara kontrak yang dipersetujui Kerajaan maksimumnya adalah selama 5 tahun iaitu 3 tahun bagi menjalani latihan siswazah dan 2 tahun bagi khidmat wajib. Kohort pertama lantikan kontrak Pegawai Perubatan UD41 mulai Disember 2016 adalah seramai 1,217 orang. Sehingga November 2019, seramai 17,183 orang pegawai Perubatan UD41 telah dilantik secara kontrak sejak tahun 2016. Oleh yang demikian, pada tahun 2020, kesemua Pegawai Perubatan UD41 lantikan kontrak masih berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah-langkah mengurangkan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pertanian kelapa sawit seperti mengurangkan penukaran tanah gambut kepada ladang kelapa sawit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam memastikan pembangunan industri sawit yang seimbang dengan keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pada masa ini, pengurusan penanaman sawit di kawasan tanah gambut perlu dilaksanakan selaras dengan prinsip ke-7 Standard Malaysia (MS) MSPO iaitu berpandukan kepada Kod Amalan Pertanian Baik untuk Ladang dan Pekebun Kecil yang dikeluarkan oleh MPOB. Prinsip dan kriteria MSPO ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Komitmen ke arah kemampanan dan kelestarian industri sawit negara juga dapat dilihat menerusi cadangan Melestarikan Penanaman Sawit Malaysia yang telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri Besar Ketua Menteri pada 26 Februari 2019 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Mac 2019. Cadangan bagi melestarikan aktiviti penanaman sawit adalah inisiatif berterusan Kerajaan ke arah pembangunan industri yang mampan antara lain merangkumi usaha melaksanakan larangan penanaman baharu sawit di atas kawasan baharu tanah gambut, penetapan syarat dan peraturan yang lebih ketat terhadap tanaman sawit di kawasan tanah gambut sedia ada serta penetapan moratorium berhubung larangan ini oleh kerajaan negeri.

## **NO SOALAN: 34**

Dalam hal yang berkaitan, standard MSPO sedia ada sedang dikaji dan diteliti semula untuk penambahbaikan. Larangan penanaman sawit di kawasan tanah gambut adalah salah satu aspek yang akan diambil kira dalam kajian semula tersebut sejajar dengan syarat dan larangan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Nga Hock Cheh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan mengkaji semula polisi pengeluaran visa jangka masa pendek kepada visa jangka masa yang lebih panjang kepada sukarelawan daripada 'Little Sisters of the Poor' bagi memudahkan mereka memberi jagaan/bantuan kepada warga emas di dua buah rumah yang diuruskan oleh organisasi tersebut di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 15 Oktober 2019 telah bersetuju untuk memberikan kemudahan Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) kategori Mubaligh Lain-lain Agama kepada pertubuhan Little Sisters of the Poor selama satu tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Tempoh sahlaku pas berkenaan adalah 12 bulan bagi setiap pengeluaran dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum 36 bulan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapa wujudnya perbezaan pendirian dalam Kerajaan terhadap Lynas Corporation sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke 14 (PRU 14) sedangkan isu tersebut telah digunakan oleh Pakatan Harapan sebagai salah satu propaganda politik utama sebelum PRU 14.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah meluluskan pembaharuan lesen operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) selama hanya enam bulan dengan syarat yang lebih ketat daripada kerajaan lagi bagi memastikan operasi Lynas, terutamanya dari segi pengurusan sisa Lynas adalah selamat.
2. Sehingga 24 September 2019, operasi kilang Lynas telah menghasilkan residu radioaktif *Water Leached Purification* (WLP) sebanyak 637,581 tan metrik dan buangan terjadual bukan radioaktif *Neutralisation Underflow Residue* (NUF) sebanyak 1,084,203 MT (*dry basis*).
3. Syarat-syarat baru ini diputuskan susulan keputusan Jemaah Menteri adalah berdasarkan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant dalam laporannya pada November 2018.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah:

- (i) Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (facility) "Cracking and Leaching" di luar negara bagi tujuan memindahkan proses tersebut yang kini dijalankan di lojinya

## NO SOALAN: 36

di Gebeng Kuantan, keluar dari Malaysia. Kemudahan “Cracking and Leaching” di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi dalam tempoh 4 tahun dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan “Cracking and Leaching” mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif yang melebihi 1 Becquerel per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan. **Dengan syarat ini, Kerajaan hendak memastikan bahawa penghasilan residu radioaktif oleh operasi Lynas dihentikan dalam masa depan.**

- (ii) Lynas hendaklah:
- a. mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*) dan hendaklah mengemukakan kebenaran secara bertulis daripada mana-mana Kerajaan Negeri bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF; atau
  - b. mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu WLP ke negara tersebut;

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Syarat PDF akan memastikan bahawa pengurusan sisa radioaktif WLP adalah ketat dalam jangka panjang berbanding dengan penstoran sisa radioaktif WLP yang sebelum ini dibenarkan oleh kerajaan lama dalam tapak penstoran sementara *Residue Storage Facility (RSF)*.

## NO SOALAN: 36

- (iii) Lynas hendaklah menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*, R&D) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai *Condisoil* dalam bidang pertanian dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan “Cracking and Leaching” di luar negara mula beroperasi.
4. Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) secara tetap melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis Lynas. Di samping itu, kerajaan turut menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai langkah verifikasi.
5. Merujuk Seksyen 22 (1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), sekiranya pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat lesen, Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom boleh membatalkan atau menggantung selama tempoh yang difikirkan patut terhadap mana-mana lesen yang dikeluarkan termasuk lesen kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kemajuan mengkaji semula dan meminda Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang diumumkan di pihak media dan bagaimanakah ia akan menghentikan penjualan MyKad palsu dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Sistem Penyampaian Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN pada 18 September 2019, JPN telah mengeluarkan Arahan JPN Bilangan 19 Tahun 2019 mengenai Prosedur Baharu Permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan bertarikh 4 Oktober 2019 dan Arahan JPN Bilangan 20 Tahun 2019 mengenai Prosedur Baharu Permohonan Daftar Lewat Kelahiran bertarikh 9 Oktober 2019. Arahan-arahan berkenaan yang bertujuan untuk memperkasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada serta menambahbaik ruangan semak dan imbang (*check and balance*) dalam sesuatu permohonan daftar lewat kelahiran dan kad pengenalan, adalah berkuat kuasa serta-merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengelakkan risiko salah guna kuasa dan satu-satu pegawai berada di posisi sama lebih daripada dua (2) tahun, JPN telah melaksanakan pusingan kerja (*rotation*) secara berperingkat kepada pegawai dan kakitangan di seluruh Negara. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 248 pertukaran dan pusingan kerja telah dilaksanakan yang melibatkan 45 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 203 orang pegawai Kumpulan Pelaksana.

## **NO SOALAN: 37**

Selain daripada itu, JPN juga sedang menyemak dan mengenalpasti Sijil-Sijil Kelahiran yang tidak aktif dalam sistem JPN sebelum dinyahaktifkan bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan atau penyelewengan.

Dalam masa yang sama, JPN kini dalam proses penelitian dan kajian bersama pihak Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan pembekal mesin penguji DNA. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kaedah terbaik bagi pelaksanaan cadangan pengwujudan Bank DNA atau lain-lain maklumat biometrik untuk dimasukkan ke dalam Sijil Kelahiran bagi mengekang ketirisan dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha untuk mengurangkan jualan vape dan rokok sama ada di pasaran tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab dalam memastikan sebarang bentuk penggunaan produk merokok sama ada rokok konvensional atau rokok elektronik atau vape dikawal. Pengawalan ini dibuat adalah bagi memastikan kesan komplikasi penggunaan produk merokok ini dapat dibendung sepenuhnya. Kawalan yang dijalankan terhadap kedua-dua produk ini adalah selari dengan *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC). Bagi rokok konvensional atau hasil tembakau, ia dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 di bawah Seksyen 36 Akta Makanan 1983 manakala bagi produk rokok elektronik bernikotin pula, ia dikawal di bawah Akta Racun 1952. Namun demikian, rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin akan dikawal di bawah akta baru yang akan digubal nanti.

Kerajaan sentiasa memandang serius kegiatan penjualan dan penyeludupan rokok tidak sah yang telah menyebabkan ketirisan hasil duti dan cukai yang tinggi. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan melaksanakan operasi berterusan seperti Operasi Outlet Rokok yang telah diadakan sejak tahun 2010, bertujuan untuk menyekat penyeludupan dan penjualan rokok di outlet dan premis yang menjual rokok tidak sah. Selain itu, Operasi Ops Pacak turut dilaksanakan bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok tidak sah dan

## **NO SOALAN: 38**

mengawal rantai bekalan rokok seludup di tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai *hot spot*.

Selain itu, penubuhan pasukan *task force* khas dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Laut turut dilaksanakan bagi mengawal pintu keluar dan masuk utama sempadan Malaysia termasuklah pemantauan rapi melalui mesin pengimbas, melakukan aktiviti rondaan darat, rondaan laut, pemeriksaan rapi kenderaan, premis dan outlet terutamanya yang disyaki menyimpan barangan belum lulus kastam.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Selain itu, berdasarkan maklumbalas daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenai tindakan mengawal rokok elektronik tanpa nikotin, pihak KPDNHEP akan bertindak berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980. Setiap produk tersedia bungkus yang dijual di pasaran mestilah mematuhi penandaan butiran-butiran sepertimana yang diperuntukan di bawah perintah tersebut.

Bagi barangan yang dijual dan disyaki tiruan di pasaran tempatan dan pasaran gelap, Kementerian akan bertindak berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan di bawah Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu larangan perihal dagangan palsu berhubung dengan

## **NO SOALAN: 38**

cap dagangan; dan Seksyen 16 Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu menuntut atau menyetujui terima bayaran tanpa niat untuk membekalkan.

Sekiranya terdapat aduan penjualan vape dan rokok elektronik sama ada di pasaran tempatan dan pasaran gelap yang diterima oleh Kementerian, aduan-aduan tersebut akan diteliti untuk kenalpasti sama ada berlaku kesalahan di bawah bidang kuasa yang dinyatakan untuk diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) akan diberikan pengiktirafan seperti yang pernah dijanjikan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) telah melaksanakan proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek bagi memuktamadkan isu ini. Sesi libat urus tersebut melibatkan tokoh individu (bidang pendidikan, politik dan sosial), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), parti politik, agensi kerajaan serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

PPDUEC kini dalam proses akhir memurnikan laporan kajian mengenai isu pengiktirafan Sijil UEC. Laporan akan disusun bersama lampiran-lampiran termasuk transkrip setiap temubual yang telah dilakukan. Sehingga hari ini, PPDUEC telah berjaya menyiapkan transkripsi 44 sesi daripada 48 sesi rakaman yang ada. Transkrip setiap temubual adalah satu elemen penting dalam laporan tersebut demi berlaku adil kepada semua pihak yang telah mengemukakan pandangan. Oleh sebab itu, proses menyediakan transkrip ini dilakukan secara cermat dan berhati-hati agar transkrip yang dibuat adalah tepat.

Laporan lengkap PPDUEC ini akan diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk diteliti sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri untuk sebarang keputusan muktamad.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk menangani masalah 87% daripada golongan pesara swasta dianggarkan tidak mempunyai simpanan KWSP yang mencukupi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memperkenalkan Konsep Simpanan Asas mengikut umur mulai tahun 2008. Amaun Simpanan Asas semasa yang ditetapkan adalah RM240,000 pada umur 55 tahun. Tujuannya adalah supaya ahli memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan selama 20 tahun bermula daripada umur 55 tahun hingga 75 tahun iaitu selaras dengan jangka hayat penduduk Malaysia. Amaun RM1,000 sebulan tersebut adalah berdasarkan kadar pencen minimum pesara sektor awam (Kerajaan) bagi menampung keperluan asas semasa persaraan. Berdasarkan statistik ahli KWSP setakat bulan November 2019, hanya 20 peratus daripada keseluruhan ahli KWSP berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang mempunyai simpanan dalam Akaun 1 yang melebihi Kuantum Simpanan Asas yang ditetapkan mengikut umur. Keadaan ini sudah pasti sangat membimbangkan kerana majoriti ahli dijangkakan tidak mempunyai simpanan yang mencukupi bagi sekurang-kurangnya menampung keperluan asas persaraan kelak.
2. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada jumlah simpanan persaraan yang rendah ini ialah gaji yang rendah, caruman yang tidak konsisten, pengeluaran pra-persaraan dan kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan yang rendah. Bagi

## **NO SOALAN: 40**

menangani situasi ini, KWSP telah mempelbagaikan saluran ahli untuk menambah simpanan melalui caruman sukarela seperti inisiatif i-Saraan, i-Suri dan Penambahan Simpanan Akaun 1, selain melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kadar celik kewangan dan perancangan kewangan. KWSP telah memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) mulai Julai 2014 yang diberikan secara percuma kepada ahli sebagai langkah membantu orang ramai merancang kewangan untuk bekalan persaraan. KWSP juga telah melancarkan Belanjawanku, satu panduan perbelanjaan minimum bulanan atas kategori dan perkhidmatan untuk pelbagai isi rumah. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga. Sebagai projek perintis, Belanjawanku dikeluarkan berdasarkan pola perbelanjaan isi rumah di Lembah Klang dan akan diperluaskan ke negeri-negeri yang lain pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan untuk negeri Perak bagi pembangunan luar bandar dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam membantu meningkatkan pendapatan bulanan serta ekonomi golongan miskin luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa memberi perhatian kepada pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di seluruh negara termasuk di negeri Perak. Bagi tahun 2019, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM88.87 juta dan sebanyak RM94.73 juta bagi tahun 2020 bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan luar bandar di Negeri Perak.

Perincian peruntukan bagi tahun 2019 adalah RM57.35 juta di bawah program prasarana, RM7 juta di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), RM4.5 juta untuk program pembangunan tanah dan wilayah, RM19.55 juta untuk program/projek di bawah MARA dan RM470 ribu di bawah KEMAS.

Perincian peruntukan bagi tahun 2020 pula adalah RM55.66 juta di bawah program prasarana, RM15.41 juta di bawah PPRT, RM1.3 juta untuk program pembangunan tanah dan wilayah, RM21.9 juta untuk program/projek di bawah MARA dan RM930 ribu di bawah KEMAS.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan turut melaksanakan pelbagai usaha dalam membantu meningkatkan pendapatan bulanan serta ekonomi golongan miskin luar bandar melalui pelaksanaan projek/ program di bawah Kementerian ini. Antara projek/ program yang dilaksanakan adalah Projek Agropolitan, Projek Pemajuan Kawasan (PPK), Program Latihan Kemahiran

## NO SOALAN: 41

dan Kerjaya (PLKK), Projek Bersepadu Pembangunan Kampung (PROSPEK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Projek Agropolitan Ganda, Gerik, Perak terdiri daripada komponen ladang sejahtera dan petempatan. Ladang sejahtera (getah) seluas 658.12 hektar dengan keluasan bertanam seluas 617.16 hektar sedang dalam tempoh penyelenggaraan oleh RISDA dan ladang akan dapat ditoreh sepenuhnya pada tahun 2021. Peruntukan yang telah disalurkan adalah berjumlah RM70,068,281 dan memberi manfaat kepada 246 peserta.

Bagi program PPK pula, ianya dilaksanakan di Kampung Ulu Slim, Daerah Muallim. Program ini menyediakan penempatan baharu kepada penduduk kampung yang diancam bencana banjir dan hakisan sungai ke tempat yang lebih selamat. Penempatan baharu berkeluasan 18.36 ekar ini dilengkapi dengan kemudahan asas yang kondusif kepada penduduk kampung seperti rumah, jalan dalam penempatan dan jalan masuk, bekalan air, bekalan elektrik dan loji kumbahan, dewan serba guna dan gelanggang sukan. Program yang jumlah kosnya sebanyak RM15 juta ini diharapkan dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk di luar bandar khususnya kepada 70 ketua isi rumah (KIR) yang terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek PROSPEK pula merupakan satu projek yang memberi fokus kepada komponen ekonomi, prasarana awam asas dan perumahan. Komponen ekonomi ini tidak melibatkan pembukaan ladang getah dan kelapa sawit di kampung-kampung tetapi lebih menumpukan kepada *niche product* di kampung tersebut. Daerah Lenggong yang meliputi enam (6) buah kampung yang berhampiran telah terpilih bagi pelaksanaan PROSPEK dengan *niche product* adalah ternakan rusa. Kos

## **NO SOALAN: 41**

keseluruhan yang telah diluluskan dalam tempoh pembangunan bagi PROSPEK Lenggong yang akan dilaksanakan mulai tahun 2020 ini adalah sebanyak RM8,000,000.

Bagi program PLKK, sebanyak RM106,800 telah disediakan yang memberi manfaat kepada 24 peserta sementara RM910,804 disediakan di bawah program PPP yang memberikan manfaat kepada 100 permohonan di negeri Perak pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil Kerajaan dalam menangani isu sindiket warga asing yang mengambil kesempatan meneroka tanah-tanah di pelbagai kawasan yang belum dibangunkan Kerajaan dan pemiliknya. Apakah tindakan yang dikenakan terhadap individu warganegara Malaysia yang menjadi dalang dalam sindiket ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu pencerobohan atau penerokaan tanah-tanah oleh warganegara asing yang belum dibangunkan Kerajaan atau pemiliknnya sepertimana yang berlaku di Cameron Highland. Berdasarkan kes pencerobohan di Cameron Highland, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Bersama Pemulihan Cameron Highland dibawah Majlis Keselamatan Negara yang bertindak untuk menyelaraskan aktiviti penguatkuasaan dan pemulihan kawasan terbabit. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh wakil-wakil seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan Agensi Pengurusan Bencana Negara. Kerajaan juga dalam pertimbangan untuk meluaskan templat di Cameron Highland ini ke kawasan-kawasan lain di negara ini.

Bagi kes-kes pencerobohan tanah, tindakan penguatkuasaan boleh diambil dibawah undang-undang semasa yang masih berkuatkuasa seperti seksyen 447 Kanun Keseksaan (Pencerobohan Jenayah) yang membawa kepada hukuman pemenjaraan sehingga 6 bulan atau denda sehingga RM3,000.00 atau dengan kedua-duanya atau seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengenai liputan jalur lebar di Malaysia yang sangat tidak memuaskan berbanding dengan negara-negara jiran. Apakah tindakan Kerajaan bagi menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dan rangka kerja kawal selia yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 penduduk setakat suku kedua tahun 2019 telah mencapai 127.7% berbanding dengan 81.8% yang dicatatkan pada tahun 2016.
2. Peningkatan ini didorong oleh capaian liputan 3G dan 4G yang lebih meluas, kualiti rangkaian yang lebih baik serta peningkatan persaingan dalam pasaran jalur lebar. Selain itu, peningkatan tersebut juga adalah hasil inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menurunkan harga jalur lebar menerusi Kelajuan Berganda, Separuh Harga (*'Double the speed, Half the price'*). Langkah berkenaan adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan kepada rakyat.
3. Pihak Kerajaan turut sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan kelajuan jalur lebar bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar dapat ditawarkan secara menyeluruh di seluruh negara daripada semasa ke semasa sama ada melalui peluasan jalur lebar talian tetap dan mudah alih di seluruh negara.

## NO SOALAN: 43

4. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Talian Tetap, pihak Kerajaan telah melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) bagi menambahbaik kelajuan dan kualiti perkhidmatan dengan kelajuan sehingga 100Mbps di bandar-bandar utama dan kawasan berimpak tinggi di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak lebih 2.8 juta sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 198 ibu sawat di seluruh negara. Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Sehingga kini, sebanyak lebih 625 ribu sambungan telah tersedia di seluruh negara dan lebih daripada 61 ribu sambungan sedang dalam pelaksanaan.
  
5. Menerusi pelaksanaan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) sejak bulan Jun 2018 lalu, negara telah menyaksikan penurunan harga langganan jalur lebar sehingga 49% dan perkara ini telah menyumbang kepada kedudukan terkini Malaysia dalam Speedtest Global Index. Laporan Speedtest Global Index oleh Ookla pada November 2019 mencatatkan **kelajuan muat turun jalur lebar talian tetap** di Malaysia secara purata adalah 78.13 Mbps.
  
6. Menurut laporan ini, kedudukan Malaysia yang kini berada pada kedudukan ke-37 di dunia adalah jauh lebih baik, di mana Malaysia berada pada kedudukan ketiga terbaik Asean selepas Singapura (pertama) dan Thailand (ke-19), diikuti oleh Vietnam (ke-65), Laos (ke-

## **NO SOALAN: 43**

105), Cambodia (ke-111), Brunei (ke-112), Indonesia (ke-114), dan Myanmar (ke-118).

7. Berbanding dengan negara-negara di peringkat rantau Asia-Pasifik, Malaysia berada dalam kedudukan selepas South Korea (ke-2), Hong Kong (SAR) (ke-3), Macau (SAR) (ke-13), New Zealand (ke-21), Taiwan (ke-23), Japan (ke-24) dan China (ke-25). Namun begitu, kedudukan Malaysia adalah lebih baik berbanding Australia (ke-64), India (ke-68) dan Philipina (ke-97).
8. Selain itu, pihak Kerajaan juga melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar 3G dan 4G. Sehingga kini, sebanyak 2,446 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan masih terdapat 200 menara dalam peringkat pelaksanaan. Manakala, sebanyak 5,130 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di seluruh negara telah siap dinaik taraf dengan perkhidmatan 3G dan 4G, manakala 49 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada sedang dalam pelaksanaan.
9. Di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang bertujuan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang mampan, menyeluruh, berkualiti tinggi dan mampu milik di seluruh negara, pihak Kerajaan telah menetapkan sasaran-sasaran bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun bermula dari tahun 2019

## **NO SOALAN: 43**

sehingga 2023. Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah ketersediaan kelajuan Gigabit di kawasan perindustrian terpilih menjelang tahun 2020 dan ke semua ibu negeri menjelang tahun 2023, dan 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat purata kelajuan jalur lebar mudah alih sehingga 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

10. Walau bagaimanapun, kerjasama dan sokongan padu daripada pihak berkepentingan utama seperti kementerian-kementerian lain, Kerajaan-kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi-agensi Kerajaan, pemberi perkhidmatan komunikasi dan pembuat dasar, adalah penting untuk menjayakan sasaran NFCP.

**NO SOALAN: 43**

<b>Inisiatif – seluruh negara</b>	<b>Siap</b>	<b>Dalam Pelaksanaan</b>
Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)	2,884,406 sambungan	-
Menara Komunikasi Baharu	2,446 lokasi	200 lokasi
Naik Taraf Stesen Pemancar di Menara Sedia Ada	5,130 stesen pemancar	49 stesen pemancar
Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) & Jalur Lebar Luar Bandar (RBB)	625,857 sambungan	61,156 sambungan

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana impak diplomatik apabila keputusan Malaysia membuka Kedutaan buat Palestin di Jordan menjadikan Malaysia menyokong usaha Rakyat Palestin bagi mengiktiraf Palestin sebagai negara berdaulat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pada 25 Oktober 2019, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan keputusan Kerajaan Malaysia untuk membuka Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin, bermastautin di Amman, Jordan. Keputusan tersebut diumumkan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement* – NAM) di Baku, Azerbaijan.

3. Cadangan penubuhan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin bermastautin di Amman, Jordan adalah satu pendekatan yang paling praktikal pada masa ini bagi menzahirkan sokongan kuat Malaysia kepada Palestin. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri telah memulakan tindakan susulan bagi merealisasikan pelaksanaan cadangan ini pada pertengahan tahun 2020. Inisiatif ini juga adalah langkah yang paling praktikal bagi Malaysia, memandangkan Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Sekiranya pejabat Kedutaan ditempatkan di Ramallah, maka Malaysia perlu berurusan dengan Israel secara rasmi bagi perkara-perkara logistik, pentadbiran dan urusan keluar-masuk ke Ramallah.

## **NO SOALAN: 44**

4. Kementerian Luar Negeri sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Luar Negeri dan Ekspatriat Jordan bagi mengenalpasti dan menetapkan proses-proses yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Inisiatif penubuhan sebuah Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin merupakan satu langkah yang popular dan disokong oleh majoriti rakyat Malaysia sendiri. Dewan Rakyat telah menyokong keputusan ini secara sebulat suara pada 31 Oktober 2019.

6. Dengan penubuhan Kedutaan Besar Malaysia ke Palestin, ia akan lebih menzahirkan komitmen Malaysia, bukan sahaja dalam kalangan kepimpinan dan rakyat Palestin malah dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa Malaysia akan terus memberi sokongan padu kepada Palestin dan usaha-usaha ke arah pembentukan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, bebas daripada penjajahan Israel.

7. Keputusan Kerajaan telah disambut baik oleh Palestin dan kebanyakan negara lain yang terus menyokong perjuangan mereka.

8. Selain daripada itu, ini membolehkan Kerajaan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan di Palestin serta konflik Palestin-Israel. Ia juga dilihat akan memberi peluang yang lebih besar untuk Malaysia memainkan peranan dalam proses perdamaian antara Hamas di Gaza dan Fatah di Tebing Barat.

## **NO SOALAN: 44**

9. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, badan bukan kerajaan (*non-government organisation* – NGO) Malaysia amat aktif dalam membantu rakyat Palestin. Dengan adanya Kedutaan, memudahkan Kerajaan untuk membantu NGO-NGO Malaysia untuk menyalurkan bantuan kepada rakyat Palestin, di samping menyediakan perkhidmatan bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang mengunjungi Palestin terutamanya yang melawat Masjid Al-Aqsa.

10. Malaysia akan terus komited dan proaktif dalam memberikan sokongan berterusan kepada isu-isu Palestin sehingga impian rakyat Palestin untuk memiliki tanahair Palestin yang berdaulat satu kenyataan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan pengusaha ternakan ikan dalam kolam dan juga jumlah pengusaha yang mendapat bantuan kewangan di Pulau Pinang terutamanya di kawasan Nibong Tebal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri akuakultur merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pengeluaran ikan makan selepas perikanan tangkapan. Secara keseluruhannya, pengeluaran akuakultur adalah sebanyak 391,465.16 tan metrik dengan nilai RM3.06 bilion dengan perincian seperti berikut:

<b>Akuakultur</b>	<b>Kuantiti (tan metrik)</b>	<b>Nilai (RM)</b>
Air Tawar	101,269.88	711,093,717
Air Payau / Marin	116,112.08	2,293,683,135
Rumpai Laut	174,083.20	52,224,960
<b>Jumlah</b>	<b>391,465.16</b>	<b>3,057,001,812</b>

2. Merujuk kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia, jumlah pengusaha akuakultur di Malaysia adalah seramai 18,297 orang. Daripada jumlah tersebut, pengusaha ternakan ikan dalam kolam adalah seramai 11,669 orang yang terdiri daripada 10,885 pengusaha ikan air tawar dan 784 pengusaha ikan air payau.
3. Bagi Pulau Pinang, bilangan pengusaha ternakan ikan air tawar dalam kolam adalah seramai 34 orang dengan pengeluaran sebanyak 2,350.5 tan metrik. Manakala bilangan pengusaha ternakan ikan air payau dalam kolam adalah seramai 89 orang dengan pengeluaran 9,022.9 tan metrik.

## NO SOALAN: 45

4. Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil ternakan akuakultur, Kementerian telah menyediakan bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan Akuakultur (SpeKS) dan *Touch Point*. Jumlah pengusaha yang menerima bantuan ini khususnya di Pulau Pinang termasuk kawasan Nibong Tebal adalah seramai 21 orang dengan kos peruntukan berjumlah RM428,400. Manakala sebanyak 4 buah persatuan nelayan kawasan di Pulau Pinang telah menerima bantuan *Touch Point* akuakultur dengan kos peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.37 juta.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa hutang negara terus meningkat setiap tahun. Apakah langkah Kerajaan untuk membayar balik hutang negara ini dan nyatakan jadual pembayaran balik hutang-hutang negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara amnya, paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak akan berkurang selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun untuk membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan sehingga akhir-September 2019 berjumlah RM804.8 bilion atau 53% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), masih kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

2. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) yang mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 – 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997 berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua,

## **NO SOALAN: 46**

3. Berdasarkan profil kematangan hutang Kerajaan Persekutuan setelah mengambil kira semua terbitan dalam 2019, Kerajaan perlu membayar hutang yang matang sehingga tahun 2049. Kerajaan sentiasa memastikan hutang yang dibuat adalah mengikut kapasiti kedudukan kewangan Kerajaan iaitu berdasarkan keupayaan membayar kadar faedah dan pokok. Antara langkah yang dilaksanakan ialah memastikan bayaran balik hutang merangkumi bayaran pokok serta bayaran kupon bagi bon dan sukuk Kerajaan dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Sehingga kini, Kerajaan tidak pernah gagal untuk membuat bayaran prinsipal dan kupon mengikut jadual yang telah ditetapkan.

4. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik juga diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampan sebarang krisis.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengapakah Kementerian tidak melakukan pendakwaan ke atas syarikat Malaysia yang dipercayai menyumbang pencemaran jerebu rentas sempadan berdasarkan Seksyen 66, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengenai maklumat syarikat atau individu Malaysia yang mungkin penyebab kepada jerebu merentas sempadan, pihak MESTECC telah mengutuskan beberapa surat kepada pihak Indonesia untuk mendapat maklumat tersebut tetapi belum mendapat balasan.

Pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan tetapi cadangan ini tidak mendapat sebarang maklum balas.

MESTECC juga telah mengutuskan surat kepada Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, TYT Dr. Ir. Siti Nurbaya Bakar pada 6 November 2019, untuk menyusul dan mendapat maklumat lanjut berkaitan penglibatan syarikat Malaysia dalam menyebabkan masalah jerebu merentas sempadan. Namun begitu, pada masa kini, surat tersebut belum dibalas oleh pihak Indonesia.

Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa pihak Indonesia berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di negara

## NO SOALAN: 47

tersebut berlandaskan peruntukan undang-undang domestik yang dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Akta Suruhanjaya Pecegahan Rasuah [Akta 694] adalah berkaitan dengan penubuhan Suruhanjaya Pecegahan Rasuah Malaysia dan tindakan bagi menangani jenayah rasuah. Buat masa ini, tiada sebarang perkaitan bagi mendakwa syarikat milik Malaysia yang menyumbang kepada pencemaran jerebu merentas sempadan dengan Akta 694 kerana tiada bukti yang jelas bahawa perkara ini melibatkan jenayah rasuah.

Buat masa ini, tiada lagi peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan pendakwaan diambil ke atas syarikat milik Malaysia yang terlibat dengan kebakaran hutan dan ladang di Indonesia sehingga menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan.

Oleh kerana itu, Kementerian sedang melaksanakan kajian untuk meneliti keperluan menggubal undang-undang di peringkat kebangsaan mengenai pencemaran alam sekitar merentas sempadan (termasuk jerebu) dan cadangan hala tuju pelaksanaannya. MESTECC telah mengadakan mesyuarat dan konsultasi bersama pakar-pakar perundangan dan alam sekitar daripada Jabatan Peguam Negara dan beberapa buah universiti tempatan bagi membincangkan keperluan penggubalan Akta Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan (*Cross-boundary Pollution Act*) ini.

## **NO SOALAN: 47**

Kajian ini diperlukan bagi memastikan dengan adanya akta ini, tindakan undang-undang dapat diambil ke atas syarikat / individu yang menyebabkan pencemaran alam sekitar merentas sempadan tanpa mengira negara asal syarikat tersebut. Kajian ini akan dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang diterajui oleh pakar perundangan dan pakar berkaitan alam sekitar dalam tempoh 3 bulan dan dijangka selesai pada Januari 2020. Seterusnya, kertas pertimbangan akan disiapkan dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Jika Jemaah Menteri meluluskan kertas kabinet tersebut, maka MESTECC akan terus untuk mendraf RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah pelaksanaan kadar baharu gaji minimum pekerja swasta RM 1500 seperti yang tertera dalam Manifesto Pakatan Harapan Rakyat sebelum ini bagi mengurangkan beban kos sara hidup selaras dengan matlamat Kerajaan untuk membantu golongan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,500 sebulan dalam tempoh lima tahun pemerintahan sebagaimana dijanjikan. Kadar gaji minimum akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun (1 kali dalam tempoh 2 tahun) sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

2. Kesimpulannya dasar gaji minimum hanya merupakan salah satu dasar Kerajaan dan bukan satu-satunya dasar yang bertujuan membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan serta menampung keperluan asas. Dasar ini perlu juga dibantu oleh dasar-dasar Kerajaan yang lain bagi memastikan negara ini kekal produktif, berdaya saing dan perkembangan ekonomi yang mampan di samping rakyat memperoleh pendapatan yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes dan laporan polis berkenaan dalam kes-kes kehilangan individu sejak tahun 2000 dan apakah hasil siasatan dari laporan-laporan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia bagi tempoh tahun 2000 hingga Oktober 2019, sebanyak 55,888 kes orang hilang dilaporkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 47,629 kes berjaya diselesaikan, manakala sebanyak 8,259 kes masih dalam siasatan.

Pihak polis memandang serius kes-kes sebegini kerana ia boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan dalam masyarakat akan tahap keselamatan terutamanya keselamatan ahli keluarga dan anak-anak.

Berdasarkan siasatan polis, punca utama orang hilang ialah kerana ingin mencari kebebasan. Selain itu, kecenderungan untuk mengikut kawan, mengikut kekasih, masalah peribadi atau salah faham keluarga juga menjadi faktor kepada individu-individu tersebut tidak pulang ke rumah.

Bagi mengelak perkara ini terus berlaku, kementerian ini memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan kepada polis jika terlihat individu-individu atau aktiviti-aktiviti yang mencurigakan. Peranan ibu bapa juga penting dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan termasuklah dengan memantau aktiviti anak-anak agar tidak melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan cukai bagi wang dihantar warga asing ke negara masing-masing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan sebarang cukai ke atas wang yang dihantar warga asing ke negara asal pada masa ini kerana warga asing yang bekerja di Malaysia telah pun tertakluk kepada cukai pendapatan dan cukai kegunaan seperti cukai jualan dan cukai perkhidmatan.

Sekiranya cukai dikenakan ke atas penghantaran wang oleh warga asing, ianya menyebabkan cukai berganda (*double taxation*) dikenakan ke atas pendapatan yang diterima mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi Negeri Sabah kepada pendatang asing khususnya dari Negara Indonesia, Filipina, Pakistan, India dan Bangladesh bagi tahun 1986 hingga 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mengeluarkan Kad Pengenalan berwarna biru (MyKad) kepada individu bertaraf warganegara Malaysia sahaja selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Sehubungan dengan itu, ingin ditegaskan bahawa MyKad tidak dikeluarkan kepada pendatang asing atau individu yang bertaraf bukan warganegara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah perlu mengkaji semula sistem pengambilan anak angkat warga asing dan tidak sah taraf di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengangkatan kanak-kanak di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*] dan Akta Pengangkatan 1952 [*Akta 257*], permohonan pengangkatan tidak mengklasifikasikan permohonan adalah terdiri daripada anak-anak yang bertaraf warganegara atau bukan warganegara. Sehubungan itu, JPN tidak menyekat mana-mana permohonan pengangkatan yang dibuat oleh pasangan tempatan untuk mengambil kanak-kanak bertaraf bukan warganegara atau yang tidak sah taraf sebagai anak angkat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan kebajikan terhadap kanak-kanak termasuklah kanak-kanak tidak sah taraf dan kanak-kanak berstatus bukan warganegara yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

“Anak angkat” adalah merujuk kepada kanak-kanak yang **telah didaftarkan** sebagai **anak angkat** oleh ibu bapa angkat menerusi proses pengangkatan mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 atau Akta Pengangkatan 1952.

## NO SOALAN: 52

Bagi keluarga Islam, pendaftaran pengangkatan adalah mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di Pejabat JPN berhampiran. Di bawah akta ini, kanak-kanak tersebut hendaklah dipelihara, dididik dan dibesarkan selama 2 tahun secara berterusan oleh ibu bapa angkat sebelum pengangkatan dibuat.

Bagi keluarga bukan Islam, pengangkatan boleh dibuat berdasarkan **SAMA ADA** mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (seperti keluarga Islam) **ATAU** Akta Pengangkatan 1952 yang boleh dibuat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Seksyen dengan menggunakan khidmat Peguam. Di bawah Akta Pengangkatan 1952, kanak-kanak tersebut hendaklah dipelihara, dididik dan dibesarkan selama 3 bulan secara berterusan oleh ibu bapa angkat sebelum permohonan dibuat.

Dalam tempoh pemeliharaan dan jagaan ini, kanak-kanak tersebut menjadi “**anak pelihara**” kepada pasangan yang mengambil kanak-kanak ini. Setelah proses pendaftaran pengangkatan ini selesai, satu akuan Sijil Pengangkatan akan dikeluarkan oleh JPN dan barulah kanak-kanak tersebut “**sah**” menjadi anak angkat kepada keluarga tersebut.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab mana-mana individu yang menerima kanak-kanak yang diserahkan kepadanya untuk dipelihara dan dijaga untuk memaklumkan kepada pihak JKM yang berdekatan tentang penerimaan kanak-kanak tersebut dalam tempoh 7 hari. Ini adalah berdasarkan Seksyen 35 (1) Akta Kanak-Kanak 2001. Mana-mana individu yang gagal berbuat demikian, boleh dikenakan denda sehingga RM10,000.00 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

## **NO SOALAN: 52**

Bagi kanak-kanak yang berstatus bukan warganegara, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan anak angkat mereka melalui JPN.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI**  
**MAHAMAD**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan aset kenderaan peronda (motokar dan motosikal) PDRM di seluruh negara dan berapakah kos tanggungan bagi petroleum, selenggaraan dan alat ganti serta personel yang terlibat.

## NO SOALAN: 53

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai dua jenis kereta peronda iaitu kereta peronda milik Kerajaan dan kereta peronda yang disewa dari syarikat konsesi. Bagi kereta peronda milik Kerajaan, jumlahnya adalah sebanyak 1,605 buah manakala kereta peronda sewaan syarikat konsesi adalah sebanyak 1,229 buah yang menjadikan jumlah keseluruhan kereta peronda adalah sebanyak 2,837 buah. Bagi motosikal peronda, kesemuanya adalah milik Kerajaan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 4,187 buah.

Jumlah pegawai polis yang ditugaskan mengendalikan kereta peronda adalah seramai 4,647 pegawai manakala bagi motosikal peronda adalah seramai 1,795 pegawai.

Kos tanggungan bahan api, penyelenggaraan dan alat ganti untuk kereta peronda dan motosikal peronda adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Kos</b>	<b>Kereta Peronda</b>	<b>Motosikal Peronda</b>
1.	Bahan Api	RM1,200,536.44	RM130,451.21
2.	Penyelenggaraan	RM337,949.65	RM269,241.26
3.	Alat Ganti	RM217,767.89	RM376,631.25

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah sebarang tindakan yang boleh diambil terhadap projek pembangunan mega seperti empangan yang dimulakan tanpa menjalankan kajian Dampak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Dampak Sosial (SIA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sememangnya memberi perhatian yang serius terhadap projek pembangunan mega seperti empangan. Pembinaan empangan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Warta Kerajaan Persekutuan berkaitan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, P.U (A) 195, Jadual Kedua di perenggan 15 bertajuk 'Pembinaan Empangan' yang mana Laporan EIA perlu disediakan.
2. Walau bagaimanapun, perenggan 15 dalam perintah ini tidak terpakai untuk Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Negeri Sabah menggunakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar Tahun 2002 sementara Negeri Sarawak menggunakan *The Natural Resources And Environment (Prescribed Activities) Order, 1994* untuk pelaksanaan kawalan alam sekitar ke atas pembinaan empangan di negeri-negeri tersebut.
3. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 34A dan 34AA, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan bahawa seseorang boleh dikenakan tindakan denda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

## NO SOALAN: 54

4. Manakala, Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*, SIA) dalam perancangan projek pula tertakluk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] di bawah bidang kuasa PLANMalaysia.
5. Walau bagaimanapun, akta ini tidak memperuntukkan secara khusus aspek berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil terhadap projek pembangunan mega yang dimulakan tanpa menjalankan kajian SIA.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Kerajaan masih akan meneruskan pelaksanaan hukuman mati, adakah lebih berperikemanusiaan untuk melaksanakan hukuman mati yang lebih mengurangkan penderitaan banduan seperti suntikan maut.

**NO SOALAN: 55**

**JAWAPAN: YB MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa kini, hukuman mati yang dilaksanakan di Malaysia mengguna pakai kaedah gantung. Setakat ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan hukuman mati melalui kaedah lain seperti suntikan maut. Persoalan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman mati yang lebih berperikemanusiaan merupakan urusan dasar Kerajaan yang memerlukan kajian terperinci melibatkan pelbagai pihak berkepentingan antaranya Kementerian Kesihatan, Jabatan Penjara Malaysia dan Mahkamah.

2. Walau apa pun, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori bagi mengkaji hukuman alternatif untuk sembilan kesalahan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] dan dua kesalahan dalam Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37] yang membawa hukuman mati mandatori.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kita berjaya atau gagal dalam menangani masalah penagihan dadah terutamanya di kalangan belia Melayu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sentiasa komited dalam usaha menangani isu penyalahgunaan serta penagihan dadah di seluruh negara khususnya dalam kalangan belia. Pelbagai langkah telah dan sedang diambil melalui teras pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan penyalahgunaan dadah di seluruh negara.

Berdasarkan statistik, penglibatan belia berbangsa Melayu dalam gejala dadah telah menunjukkan penurunan secara konsisten daripada 15,810 orang (84%) bagi tahun 2017 kepada 15,543 orang (84.4%) bagi tahun 2018 dan 9,243 orang (81.7%) sehingga bulan Ogos 2019. Justeru, pelaksanaan strategi oleh AADK setakat hari ini masih relevan dalam memastikan masalah dadah dalam kalangan belia terus terkawal dan ditangani secara berterusan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, dalam memastikan keberkesanan yang lebih berimpak tinggi, mulai bulan Julai 2019, AADK telah melaksanakan Projek Rintis bagi membasmi penyalahgunaan dadah secara bersepadu di 12 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara. Projek rintis ini membabitkan penyertaan 9 Kementerian, 15 Agensi dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), di mana tindakan holistik dan menyeluruh dapat dibuat menerusi pembabitan bersama, sekaligus memberi lebih impak positif kepada komuniti.

**NO SOALAN: 56**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pendaratan ikan dalam setiap negeri pada tahun 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendaratan tangkapan ikan marin telah menyumbang sebanyak 78.3%, iaitu 1.45 juta tan metrik daripada keseluruhan pengeluaran ikan makan sebanyak 1.85 juta tan metrik pada tahun 2018. Perincian pendaratan tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH PENDARATAN (Tan Metrik)</b>	<b>NILAI (RM)</b>
Negeri Sembilan	670	8,811,399
Melaka	1,913	33,627,484
WP Labuan	19,326	211,436,940
Terengganu	41,730	384,745,424
Pulau Pinang	54,854	522,592,773
Johor	39,783	367,470,000
Perlis	95,995	651,998,933
Kelantan	99,414	729,365,311
Pahang	121,211	947,358,870
Selangor	141,271	1,220,582,773
Kedah	149,279	1,710,499,515
Sabah	163,055	945,322,921
Sarawak	180,605	991,450,568
Perak	313,857	2,135,334,127
<b>JUMLAH</b>	<b>1,452,862</b>	<b>11,312,832,525</b>

## **NO SOALAN: 57**

2. Negeri Perak merupakan penyumbang terbesar kepada pendaratan ikan marin iaitu sebanyak 313,857 tan metrik (21.6%), manakala Negeri Sembilan merupakan penyumbang paling kecil dengan jumlah pendaratan sebanyak 670 tan metrik.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan mekanisme baru dalam rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari yang dibuat pada bulan November lalu bagi membantu pekebun kecil mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisma baru yang diperkenalkan oleh Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) pada bulan November 2019 adalah mekanisma pelaksanaan pensijilan RSPO kepada pekebun kecil persendirian secara berkelompok berdasarkan prinsip dan kriteria RSPO khusus untuk pekebun kecil persendirian. Sebelum ini, RSPO tidak memiliki sebarang prinsip dan kriteria khusus untuk pekebun kecil persendirian.

Mekanisma ini bertujuan untuk mempertingkatkan penyertaan pekebun kecil dalam skim pensijilan RSPO. Pada ketika ini, RSPO menghadapi kesukaran untuk mempersijilkan pekebun kecil kerana piawaian dan prosedur yang digunakan RSPO adalah rumit dan sukar untuk dipatuhi.

Untuk makluman, mekanisma baru tersebut telah pun digunakan oleh MSPO sejak tahun 2015 lagi. Oleh itu, ia tidak memberi apa-apa kesan kepada pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah halangan Kementerian untuk menaik taraf lapangan Terbang Tawau kepada Lapangan Antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tawau sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS).
2. Walaupun Lapangan Terbang Tawau tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, dengan tersedianya fasiliti untuk operasi antarabangsa, lapangan terbang ini masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.
3. Pada masa ini, Lapangan Terbang Tawau mengendalikan penerbangan terus sebanyak 136 kali penerbangan seminggu dari Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tarakan. Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke Lapangan Terbang Tawau dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 49 kali seminggu. MAB, AirAsia dan Malindo turut menyediakan penerbangan terus dari KKIA ke Lapangan

## **NO SOALAN: 59**

Tawau dengan jumlah kekerapan sebanyak 62 kali seminggu. Manakala MASwings menyediakan perkhidmatan penerbangan dari Lapangan Terbang Tawau ke Sandakan dengan kekerapan sebanyak 14 kali seminggu.

4. Di samping itu, terdapat penerbangan antarabangsa menghubungkan Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Tarakan, Indonesia yang dikendalikan oleh MASwings dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu. Potensi besar boleh dimainkan oleh syarikat penerbangan untuk menarik penerbangan terus dari negara China memandangkan data statistik 2018 merekodkan hampir 200 ribu pelancong dari negara China bercuti di Pulau Sipadan, Mabul, Kapalai dan Mataking melalui Semporna.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah justifikasi di sebalik pemberian dana bernilai hampir RM 150 juta kepada 'Youth Power Club' yang telah ditubuhkan sekitar Mei 2019 sedangkan banyak persatuan belia yang sedia ada seperti Majlis Belia Bell Tamil yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia tidak diberikan sebarang bantuan khususnya dalam bentuk geran atau peruntukan untuk menggerakkan aktiviti di peringkat akar umbi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan Youth Power Club (YPC) dan pemberian dana program adalah insentif baru yang diperkenalkan Kementerian Belia dan Sukan. Pendekatan ini merupakan sebahagian daripada pelan transisi kepimpinan supaya pertubuhan belia mempunyai kelompok pemimpin muda yang berumur 30 tahun dan ke bawah serta bersedia mengambil alih kepimpinan.
2. YPC secara tidak langsung akan memberi peluang kepada golongan belia untuk meningkatkan jaringan sosial dan membina karakter positif menerusi pendedahan dan keterlibatan mereka secara langsung dalam pelaksanaan program. Ini juga bertepatan dengan Dasar Belia Malaysia 2015 yang menekankan pengukuhan dan penyerlahan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan dan selari dengan pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007(Akta 668) pada bulan Julai yang lalu.
3. Ingin sekali ditekankan yang penubuhan YPC tidak menjejaskan peranan mana-mana pertubuhan belia sedia ada yang lain, sebaliknya menyediakan kepimpinan baharu dalam menyokong pelan transisi kepimpinan.

## **NO SOALAN: 60**

4. Pemberian bantuan aktiviti kepada pertubuhan belia masih diteruskan. Hanya, pemberian bantuan pentadbiran tidak lagi disalurkan kepada pertubuhan belia. Pada masa ini, pemberian bantuan aktiviti hanya diberikan kepada permohonan pelaksanaan program dan aktiviti belia dan sukan. Pendekatan ini dilihat lebih memberikan impak dan mendatangkan manfaat kepada belia setempat dan masyarakat keseluruhannya. Melalui bantuan pelaksanaan aktiviti ini, diharap dapat menggalakkan lagi pertubuhan belia untuk terus giat melaksanakan program yang berimpak tinggi dengan kos yang minimum dan menyerlahkan lagi potensi belia di pelbagai peringkat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan contoh-contoh kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai dua buah negara yang berjiran dekat dan berkongsi sejarah yang hampir sama, Malaysia dan Singapura telah melaksanakan pelbagai bentuk kerjasama dalam bidang-bidang tertentu seperti pendidikan, pertahanan, pertanian, pengangkutan, pertukaran maklumat dan komunikasi, pengurusan bencana, serta perkhidmatan awam.

3. Dalam sektor pendidikan, Malaysia dan Singapura melalui Memorandum dalam Bidang Pendidikan mempunyai kerjasama pertukaran pegawai, pendidik dan pelajar. Kedua-dua negara kini sedang berusaha untuk memperluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan pendidikan kanak-kanak.

4. Manakala dalam bidang pertahanan, kedua negara telah mengekalkan kerjasama aktif di peringkat dua hala dan pelbagai hala termasuk melalui pertukaran kunjungan pegawai, latihan dan perkongsiaan maklumat bersama seperti Rondaan Selat Melaka iaitu dengan izin *Malacca Straits Patrol*, penyertaan dalam pameran pertahanan, serta aktiviti-aktiviti di bawah Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN.

## **NO SOALAN: 61**

5. Malaysia dan Singapura juga mempunyai kerjasama dalam bidang pengurusan bencana. Kedua-dua pihak telah menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama dalam Membangunkan Keupayaan Mencari dan Menyelamat di Kawasan Bandar pada tahun 2015.
6. Malaysia dan Singapura juga kini sedang berunding untuk menandatangani Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama dan Bantuan Bersama Berkenaan Hal-Hal Kastam antara Jabatan Kastam Singapura dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
7. Selain itu, kedua-dua negara juga sedang berunding untuk menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menggalakkan kerjasama berkaitan data, keselamatan siber dan ekonomi digital antara Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Komunikasi dan Maklumat Singapura.
8. Sehingga kini, sebanyak 25 Memorandum Persefahaman dan Perjanjian telah ditandatangani oleh Malaysia dan Singapura dalam bidang-bidang yang tersebut di atas. MoU yang belum dimuktamadkan sedang diperhalusi oleh Kementerian yang berkaitan.
9. Berdasarkan prinsip saling hormat-menghormati, kesaksamaan dan kepentingan bersama, Kerajaan turut mengambil pelbagai pendekatan proaktif untuk melaksanakan perbincangan dengan Singapura bagi menyelesaikan isu-isu dua hala kedua negara melalui mekanisme dua hala yang sedia ada.

## **NO SOALAN: 61**

10. Ini termasuk perbincangan semasa Sesi Pemukiman di antara pemimpin kedua negara di peringkat tertinggi. Di samping itu, terdapat juga enam mekanisme dua hala yang penting bagi mengeratkan kerjasama di antara Malaysia dan Singapura termasuk Jawatankuasa Bersama Malaysia-Singapura Berkenaan Alam Sekitar (MSJCE), Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Berkenaan Iskandar Malaysia (JMCIM) dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain.

11. Kerajaan sentiasa bersedia untuk terus meneroka bidang kerjasama baharu ke arah memperkukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Singapura, dan menyelesaikan isu-isu dua hala demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha sama yang wujud antara Kementerian Pembangunan Usahawan dengan Kementerian Pendidikan dalam melahirkan usahawan dalam kalangan graduan sekali gus mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan graduan yang sangat meruncing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) telah menggariskan strategi dan inisiatif yang memerlukan usaha sama dan kolaborasi strategik di antara pelbagai Kementerian dan agensi bagi membangunkan keusahawanan di negara ini.
2. Usaha sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah di bawah Teras Strategik 1 DKN2030 iaitu Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat yang merupakan aspek penting dan sebagai langkah pertama untuk memberi penekanan kepada pembudayaan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat Malaysia dari peringkat awal termasuk menerusi sistem pendidikan negara. Ini juga selaras dengan objektif DKN2030 untuk mempromosikan dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan kepada golongan belia dan graduan.
3. Dalam sistem pendidikan sedia ada telah diterapkan ilmu dan pendidikan berunsurkan keusahawanan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun institusi pendidikan tinggi (IPT). MED akan terus menjalinkan kerjasama dengan KPM bagi memperkukuhkan program-program keusahawanan tersebut untuk membina keupayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar dan graduan.

## NO SOALAN: 62

4. Inisiatif pembangunan keusahawanan dalam kalangan graduan turut disokong dengan kerjasama KPM melalui Dasar dan Pelan Strategik Keusahawanan IPT yang memberi fokus bagi penerapan dan pendedahan kepada budaya dan nilai-nilai keusahawanan ke dalam sistem pendidikan tinggi negara dan menganjukkan minda pelajar IPT daripada menjadi pencari kerja (*job seeker*) kepada penjana pekerjaan (*job creator*).
5. Usaha sama di antara kedua-dua Kementerian ini turut disokong melalui program pembudayaan keusahawanan di bawah seliaan PROTÉGÉ, MED iaitu *PROTÉGÉ Reach-Out & Awareness* yang bertujuan memberi kesedaran seterusnya memupuk minat para belia termasuklah para pelajar dan graduan yang berminat untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai alternatif kerjaya utama. Program ini mensasarkan siswa-siswi, graduan dan pengunjung yang berminat dalam bidang keusahawanan dari seluruh Malaysia. Setakat November 2019, seramai 27,168 orang pelajar dan graduan telah mendapat manfaat daripada program ini.
6. Program latihan keusahawanan berstruktur turut disediakan melalui *PROTÉGÉ Business Accelerator Program* yang merangkumi 2 modul utama iaitu Sesi Latihan Berpusat dan Sesi *Mentoring* bersama BisKaunselor yang telah dilantik. Program selama 4 bulan ini bertujuan untuk memberikan latihan khusus yang disesuaikan untuk mengisi jurang pengetahuan dan kemahiran para usahawan seterusnya meningkatkan hasil jualan mereka. Program ini telah dilaksanakan

## NO SOALAN: 62

bermula Ogos sehingga Disember 2019 dan seramai 36 usahawan muda telah menyertai dan menjalani latihan.

7. Selain itu, MED melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) turut menyediakan program berbentuk pembangunan kapasiti termasuk kepada graduan bagi mengatasi masalah pengangguran melalui kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek (2 Hari 1 Malam). Sehingga November 2019, sebanyak 1,389 usahawan telah dilatih melalui 50 program keusahawanan yang dijalankan di seluruh Malaysia.
8. Sehingga November 2019, INSKEN telah melahirkan seramai 718 usahawan melalui 27 sesi program *coaching/mentoring* yang dijalankan selama 4 bulan. Melalui program ini, 61% usahawan telah berjaya meningkatkan hasil jualan sebanyak 20% selaras dengan peningkatan jualan yang disasarkan di bawah program ini.
9. INSKEN juga terlibat dalam pelaksanaan “Projek Rintis Usahawan Tani Fertigasi (PRINT)” di mana melalui program ini dapat membantu graduan menganggur menjalankan perniagaan dalam bidang asas tani. Program ini mengandungi beberapa elemen seperti latihan teknikal, program pembangunan kapasiti, pemasangan RPH dan *buy-back Policy* dari *anchor company*. Melalui program ini, semua peserta bakal mencatatkan penjualan hasil melebihi RM10,000.00 bagi fasa pertama dengan Rumah Pelindung Hujan (RPH). Melalui pemasangan RPH ini, pengusaha tanaman cili atau melon secara fertigasi akan

## NO SOALAN: 62

meningkatkan hasil mereka sekurang-kurangnya 20% berbanding sebelum pemasangan RPH.

10. Sehingga November 2019, sebanyak 20 usahawan sedang mengikuti program PRINT dan 4 daripada usahawan tersebut telah mencatatkan peningkatan pendapatan sebenar hasil tanaman melon dan cili di antara RM 3500.00 sehingga RM 9600.00 melalui *buy-back policy* dari *anchor company* dan jualan sendiri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD  
SALLEH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah untuk meningkatkan kelahiran hidup dan kadar kesuburan wanita bagi meningkatkan jumlah penduduk negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara faktor utama masalah ketidaksuburan bagi wanita adalah melewati perkahwinan. Kesuburan seseorang wanita akan menurun sehingga kurang dari 20 peratus apabila umur mencecah lebih dari 40 tahun. Oleh itu, kempen perkahwinan secara beramai-ramai yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) atau mana-mana agensi kerajaan lain seperti JAKIM atau pihak berwajib agama negeri yang lain secara tak langsung memudahkan pasangan ingin berkahwin dan seterusnya mendapatkan anak pada umur reproduktif.

Kementerian melalui LPPKN juga telah memberikan perkhidmatan rawatan kesuburan (subfertility) sejak tahun 1979 dan sehingga 2018 lebih **5,000** kehamilan telah direkodkan. Rawatan kesuburan bertujuan untuk merealisasikan hasrat pasangan untuk menimang cahaya mata. Memandangkan masalah kesuburan berpunca daripada suami sahaja dalam 40 peratus kes, isteri sahaja dalam 30 peratus kes dan kedua-dua suami dan isteri dalam 20 peratus kes, LPPKN menawarkan saringan dan rawatan kepada kedua-dua suami dan isteri. Terdapat tiga (3) Klinik Subfertility LPPKN, iaitu di Kuala Lumpur (untuk zon tengah), Ipoh (zon utara) dan Johor Bahru (zon selatan). LPPKN mempunyai kemudahan, kepakaran dan pengalaman dalam memberikan perkhidmatan subfertility berkualiti dengan kos yang berpatutan. Perkhidmatan ditawarkan dalam

## NO SOALAN: 63

bentuk kaunseling, ubatan kesuburan dan prosedur khusus seperti Peranian Berhadad serta Teknologi Bantuan Konsepsi termasuk *In-Vitro Fertilization* (IVF) dan *Intra-Cytoplasmic Sperm Injection* (ICSI). Setiap pasangan suami isteri dikendalikan secara teliti untuk mengenal pasti masalah khusus mereka supaya rawatan yang sewajarnya dapat diberikan untuk meningkatkan peluang kehamilan dan kelahiran hidup.

### **Data kejayaan Perkhidmatan Subfertiliti LPPKN**

Data statistik subfertiliti LPPKN dari tahun 2012 hingga 2018 menunjukkan sebanyak **8,070 kes baru** telah mendaftar dengan LPPKN manakala **kes ulangan** adalah sebanyak **45,422 kes**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **4,201** telah **menjalani pelbagai kaedah rawatan subfertiliti** dan seramai **830 atau 20 peratus** telah **berjaya hamil**. Kadar kejayaan ini adalah setanding dengan peratus kejayaan pusat- pusat rawatan kesuburan di Malaysia mahupun antarabangsa.

LPPKN akan memantapkan lagi perkhidmatan subfertiliti ini dengan cadangan penubuhan Pusat Infertiliti Kebangsaan yang akan dibuat permohonan dalam projek Rancangan Malaysia Ke-12 nanti.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kegiatan-kegiatan utama bagi kegiatan ekonomi bawah tanah (underground economy) dengan peratusan pengaruhnya dalam angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengelakkan pengaliran cukai akibat daripada kegiatan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya kegiatan ekonomi bawah tanah (*underground economy*) mempunyai maksud yang sangat meluas, di mana merangkumi aktiviti ekonomi yang bersifat tersorok/tersembunyi dengan tujuan tidak dapat dikesan. Ia terbahagi kepada beberapa kategori seperti berikut:-

- i. ekonomi tidak formal dan berasaskan tunai;
- ii. ekonomi formal tetapi kekal tersorok bagi tujuan pengelakan cukai; dan
- iii. aktiviti haram terutamanya membabitkan jenayah kewangan.

*Underground economy* yang juga dikenali sebagai ekonomi bayangan, sering kali dikaitkan dengan aktiviti jenayah, termasuk penyeludupan senjata, tembakau, dadah, pelacuran, perjudian haram dan secara dalam talian, pemalsuan pasport serta penyeludupan manusia. Kajian yang dijalankan oleh pihak Bank Dunia menunjukkan saiz peratusan *underground economy* berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia adalah pada kadar 21%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara pendekatan yang telah diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) untuk mengelakkan pengaliran cukai ke atas *underground economy* termasuk menggunakan mekanisme secara am seperti berikut:-

## NO SOALAN: 64

- i. Pemerksaan percukaian secara elektronik termasuk sistem *e-filing*, *e-pcb* dan lain-lain;
- ii. Pengenalan Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang bermula pada 3 November 2018 dan tamat pada 30 September 2019;
- iii. Penggunaan teknologi '*big data*' bagi tujuan pengumpulan dan penganalisaan data secara lebih mendalam dan menyeluruh seterusnya membantu mengesan sebarang isu pelarian cukai dengan lebih pantas dan tepat;
- iv. Pengenalan inisiatif pendaftaran nombor pengenalan cukai atau "*Tax Identification Number (TIN)*" dijangka dilaksanakan mulai Januari 2021 akan membantu ke arah pengesanan pelarian cukai dengan lebih berkesan; dan
- v. Kesalahan *fraud* berkaitan percukaian sebagai salah satu jenayah berat di dalam *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act (AMLATFPUAA)* 2001 sebagai inisiatif dalam membantu ke arah meningkatkan kualiti dan keupayaan siasatan kesalahan percukaian.

Manakala, mekanisme secara khusus yang telah dijalankan LDHNM ke atas aktiviti haram dan jenayah kewangan adalah seperti berikut:-

- i. Penubuhan Jabatan Operasi Khas mulai 1 Januari 2017 yang ditubuhkan khusus bagi memfokuskan kepada pelarian cukai yang membabitkan aktiviti haram dan jenayah kewangan;
- ii. Kerjasama strategik bersama agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia yang lain seperti SPRM, BNM dan PDRM bagi tujuan perkongsian maklumat dan operasi bersama; dan

**NO SOALAN: 64**

- iii. Penubuhan Pusat Anti Jenayah Kewangan Kebangsaan (*National Anti-Financial Crime Centre*) di mana LHDNM turut menjadi salah satu agensi penguatkuasaan undang-undang yang terlibat melalui Jabatan Operasi Khas.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah dana yang diperuntukkan kepada JAKOA untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran Tanah-tanah Adat Masyarakat Orang Asli bagi tahun 2020. Dan berapakah jumlah keluasan yang telah siap diukur bagi tahun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Peruntukan yang diluluskan bagi projek kerja ukur tanah di penempatan Orang Asli bagi tahun 2020 sebanyak RM2 juta untuk mengukur 14 buah kampung.

Bagi kerja ukur tahun 2019, sebanyak 9 kampung telah dilaksanakan kerja pengukuran dengan keluasan 675.77 hektar dan melibatkan peruntukkan RM1.5 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak 2 kampung telah pun siap kerja pengukuran iaitu Kampung Orang Asli Kubang Badak dan Kampung Orang Asli Bukit Besar, Melaka manakala baki 7 buah kampung dalam proses pengukuran dan dijangka selesai pada Mac 2020. Data-data maklumat mengikut negeri seperti dibawah:

<b>NEGERI</b>	<b>BIL KAMPUNG</b>	<b>KELUASAN TANAH (HEKTAR)</b>	<b>STATUS UKUR</b>
Pahang	2	77.44	proses pengukuran
Perak	3	477.6998	proses pengukuran
Kelantan	1	35.41	proses pengukuran
Melaka	3	85.23	1 Proses Pengukuran 2 lokasi telah selesai
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>675.77</b>	

**NO SOALAN: 65**

Jadual Cadangan Ukur Tanah Tahun 2020

<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL KG</b>	<b>JUMLAH LOKASI CADANGAN UKUR 2020</b>	<b>AIR</b>	<b>KELUASAN TANAH (HEKTAR)</b>
Pahang	C.Highlands	1	Kg.Sungai Telimau	282	301.7
	C.Highlands	2	Kg.Terisu	365	301.7
	C.Highlands	3	Kg.Jarik	251	30.17
	C.Highlands	4	Kg.Renglas	260	202.34
	C.Highlands	5	Kg.Teji	178	198.30
	C.Highlands	6	Kg.Abu	235	141.64
	C.Highlands	7	Kg.Sg.Cheros	192	182.11
	C.Highlands	8	Kg.Sg.Loan	141	101.18
	C.Highlands	9	Pos Lenjang	2,229	1214.57
	C.Highlands	10	Pos Sinderut	4,043	1214.57
	C.Highlands	11	Pos Telanok	2,934	910.93
	C.Highlands	12	Pos Terisu	898	1842.11
	C.Highlands	13	RPS Batau	3,769	1518.22
Perak	Perak Tengah	14	Kg.Sg.Perah	623	351.47
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>		<b>14,900</b>	<b>7,568.01</b>

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan jumlah pelajar lepasan matrikulasi/STPM/diploma dan lain-lain sijil sama taraf mengikut kaum yang telah diterima masuk untuk meneruskan pengajian tinggi di Universiti Awam bermula tahun 2017 sehingga 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi akademik 2019/2020, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima permohonan sebanyak 91,538 dalam kalangan pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Matrikulasi/ Asasi/ Diploma/Setaraf untuk melanjutkan pengajian ke program Ijazah Sarjana Muda Universiti awam dengan pecahan Bumiputera sebanyak 82% (75,287), Cina 10% (8,983), India 7% (6,066) dan lain-lain 1% (1,202). Daripada jumlah tersebut, 65% (59,261) telah ditawarkan tempat pengajian dengan pecahan kaum Bumiputera 80% (47,688), Cina 13% (7,389), India 6% (3,479) dan lain-lain 1% (705).

Pada sesi akademik 2018/2019, sebanyak 93,366 permohonan telah diterima di kalangan pelajar lepasan STPM, Matrikulasi, Asasi, Diploma/Setaraf dengan pecahan Bumiputera sebanyak 82% (77,038), Cina 10% (9,465), India 6% (5,390) dan lain-lain 2% (1,473) dan sebanyak 67% (62,322) telah ditawarkan tempat dengan pecahan 81% (50,355) kaum Bumiputera, 12% (7,758) Cina, 5% (3,300) India dan 2% (909) lain-lain kaum.

Untuk tahun 2017 pula, KPM telah menerima 95,096 permohonan untuk kemasukan ke universiti awam (UA) dengan pecahan Bumiputera sebanyak 79% (75,581), Cina 12% (11,306), India 6% (5,505) dan lain-lain 3% (2,704) dan daripada jumlah tersebut, 57% (54,179) telah ditawarkan tempat

## **NO SOALAN: 66**

pengajian dengan pecahan 77% (41,716) terdiri dari kaum Bumiputera, 15% (8,296) Cina, 6% (2,858) India, 2% (1,309) lain-lain kaum.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh mana Kementerian membuka pintu untuk teknologi baru dalam penyediaan kemudahan elektrik di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak bagi tujuan pengurangan kos dan penyediaan kemudahan yang lebih menyeluruh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, selain daripada kaedah pembekalan elektrik melalui talian grid, Kementerian juga kini sedang melaksanakan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) secara sistem alternatif seperti solar hibrid dan mikro hidro bagi kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan pedalaman dan tidak boleh dibekalkan melalui punca bekalan talian grid bagi membolehkan setiap penduduk mendapat bekalan elektrik selama 24 jam.

Sistem ini akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) untuk pengoperasian dan penyelenggaraan. Sehubungan itu, pemilik rumah dikenakan caj berdasarkan kepada penggunaan meter yang direkodkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, Kementerian juga ada melaksanakan sistem pembekalan melalui kaedah solar (*Photovoltaic*) PV sama ada secara persendirian ataupun berpusat di negeri Sarawak dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri. Sistem ini tidak mengenakan caj bulanan penggunaan kepada pemilik rumah. Namun begitu, sistem yang dibekalkan adalah pada kapasiti minima sahaja dan sistem selepas siap dibina akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan operasi dan penyenggaraan bersama pihak komuniti.

## **NO SOALAN: 67**

Kementerian sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan Negeri, Agensi-Agensi Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan bagi mengenalpasti kaedah pembekalan elektrik yang lebih efisien, berdaya mampan dan mudah dioperasi serta disenggara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah dasar FDI Kerajaan mengenai media digital dan sejauh manakah FDI dalam media digital telah membawa impak kepada ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, di bawah agenda MSC Malaysia antara sektor atau kluster industri yang diberi tumpuan adalah sektor Kandungan Kreatif Digital. Dalam membangunkan sektor ini dan menarik pelaburan asing dan domestik, pihak kerajaan menawarkan insentif di bawah Bil Jaminan MSC Malaysia kepada syarikat-syarikat asing dan domestik.
2. Sehingga kini, terdapat sebanyak 337 syarikat berstatus MSC Malaysia yang terlibat dalam industri ini yang merangkumi sub-sektor animasi, gaming, VFX atau Kesan Visual serta Media Baru di mana sebanyak 63 daripadanya adalah syarikat asing. Antara syarikat-syarikat asing yang terkenal di dalam sektor ini dan telah bertapak di Malaysia adalah seperti OLM Asia, BANDAI NAMCO Studios Malaysia, Sony Interactive Entertainment Worldwide Studios, Larian Studios dan Base FX. Sehingga Disember 2018, nilai FDI bagi sektor Kandungan Kreatif Digital adalah sebanyak RM1.22 bilion.
3. Melalui dasar yang mesra kepada pelaburan dan ekosistem yang sesuai, sektor Kandungan Kreatif Digital ini telah mengalami pertumbuhan yang baik. Menurut Firma perkhidmatan profesional, PwC melalui laporannya yang bertajuk Global Entertainment & Media Outlook 2018 - 2022 menjangkakan pasaran industri kandungan digital

## NO SOALAN: 68

di peringkat global akan meningkat ke USD2.4 trilion pada tahun 2022 dari USD1.9 trillion pada tahun 2017.

4. Pada tahun 2018, syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia dalam sektor ini telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM7.69 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM1.40 bilion. Di samping itu, syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia ini juga telah menyediakan sebanyak 11,471 peluang pekerjaan.
5. Di samping itu, menurut kajian pasaran oleh Newzoo, sebuah firma kajian antarabangsa untuk permainan digital, Malaysia berada di kedudukan ke-3 di rantau Asia Tenggara dalam penjanaan pendapatan pasaran industri permainan digital dengan pendapatan sebanyak USD633.02 juta selepas Indonesia (USD1,083 juta) dan Thailand (USD666.84 juta) pada tahun 2018.
6. Menurut Laporan Ekonomi Digital 2018 oleh Jabatan Perangkaan, sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negara adalah sebanyak 18.5%. Daripada jumlah ini, Sektor Kandungan dan Media menyumbang sebanyak 7.3%. Manakala, daripada 1.12 juta pekerjaan yang diwujudkan dalam industri ICT, sebanyak 13.9% adalah daripada sektor Kandungan dan Media.
7. Pada masa ini juga, KKMM juga sedang merangka Dasar Ekosistem Kandungan Digital (DEKD) yang bermatlamat untuk:

## **NO SOALAN: 68**

- a) Memberi penekanan kepada pengukuhan modal insan dan bakat sebagai asas pembangunan industri kandungan kreatif;
- b) Meningkatkan nilai industri dalam eksport kandungan digital serta membuka laluan bagi syarikat tempatan untuk menembusi pasaran serantau dan global;
- c) Memangkin pengkomersialan IP serta penghasilan dan pembangunan IP berkualiti tinggi yang baharu; dan
- d) Menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi pembangunan kandungan digital untuk menarik pelaburan dan bakat dari seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosikan oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam kalangan masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kita perlu sedar bahawa budaya ekstremisme yang berunsurkan kaum dan agama telah menimbulkan kejutan kepada masyarakat Malaysia pada hari ini dan menyedarkan kita bahawa aspek perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini masih rapuh dan perlu diperkukuhkan lagi.

Isu-isu sensitif ini perlu diurus dengan baik kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Kebebasan bercakap terutamanya melalui platform media sosial menyebabkan rakyat tidak peduli lagi apa yang dibicarakan sehingga membawa ke tahap mempersendakan agama, bahasa dan kaum komuniti lain.

Justeru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik melalui pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) bagi menangani gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi bagi memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia seperti berikut:

- (a) mendidik pengguna dan pengendali aplikasi media sosial supaya mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan beretika ketika menggunakan aplikasi tersebut dan tidak menggunakan media sosial

## NO SOALAN: 70

untuk mencetuskan sentimen perkauman, menabur fitnah, meracuni fikiran masyarakat sehingga merosakkan ketenteraman awam.

- (b) menguatkuasakan undang-undang bagi mengawal selia penggunaan Internet dalam negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286) serta Kanun Keseksaan (Akta 574).
- (c) menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan negara dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- (d) menggubal Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- (e) mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan penggubalan Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional dan Rekonsiliasi yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:

## NO SOALAN: 70

- (i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
  - (ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
  - (iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan isu kaum dan agama dan mengenal pasti penyelesaian melalui kaedah mediasi.
- (f) memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- (g) melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di kalangan penganut-penganut agama seperti Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- (h) mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,027 orang Mediator Komuniti dan 60 orang Mediator Agama di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 70**

- (i) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,622 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 169 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- (j) menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera di dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- (k) menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak bawah 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi supaya mereka lebih memahami dan menghayatinya suasana perpaduan masyarakat dan keharmonian negara ini.
- (l) menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).
- (m) menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

## **NO SOALAN: 70**

Pendirian Kerajaan adalah jelas bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang sengaja menyalahgunakan hak kebebasan bersuara bagi membangkitkan sensitiviti kaum dan mengganggu-gugat keamanan negara melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Di samping itu, fahaman pelampau / ekstremis kaum dan agama yang merentasi sempadan agama, kaum dan pertubuhan akan disusuli dengan tindakan afirmatif oleh agensi-agensi penguatkuasaan agar fahaman dan gerakan kumpulan pelampau tidak berakar umbi di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil perbincangan oleh pihak Kementerian tentang visi dan misi dalam penambahbaikan untuk peluang pekerjaan bagi semua lapisan masyarakat dan berapa kali pertemuan telah dilakukan oleh pihak Yang Berhormat Menteri bersama rakyat di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Visi dan misi Kerajaan Pakatan Harapan adalah selaras dengan hasrat dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu untuk menyediakan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun pertama pentadbiran serta meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar guna tenaga mahir. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker) agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan *Dual* Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;
- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan

## **NO SOALAN: 71**

- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekali gus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia dan YB Menteri Sumber Manusia sendiri telah mengadakan pelbagai sesi pertemuan dan libat urus dengan pelbagai lapisan masyarakat dan pemegang taruh. Antaranya adalah:

- (i) Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada setiap hari Selasa di Kementerian Sumber Manusia yang mana YB Menteri Sumber Manusia akan turun padang berjumpa pelanggan pada hari tersebut bagi mendengar isu-isu yang dibangkitkan sekali gus mengambil pandangan mereka untuk dilaksanakan, di mana bersesuaian;
- (ii) Mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang diadakan setiap bulan bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan pekerja dan majikan, dan disusuli dengan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi isu-isu spesifik;
- (iii) Mesyuarat YB Menteri Sumber Manusia bersama YB EXCO Sumber Manusia Negeri bagi membincangkan potensi bagi meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan

## NO SOALAN: 71

Kerajaan Negeri dalam memperkasakan sumber manusia dan memantapkan pentadbiran perburuhan negara;

- (iv) Sesi *Town Hall* KSM bersama pemegang taruh yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, pekerja dan kesatuan sekerja, majikan dan persatuan majikan serta organisasi masyarakat sivil yang bertujuan mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan berhubung isu-isu perburuhan dan sumber manusia negara; dan
- (v) Sesi dialog YB Menteri Sumber Manusia bersama Ketua-Ketua Eksekutif Syarikat bagi membincangkan isu-isu dalam memelihara keharmonian perhubungan perusahaan dan memastikan liputan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh kepada masyarakat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah penapis dan pengimport minyak sawit Malaysia dari India benar-benar telah beralih membeli minyak sawit dari Indonesia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedar akan kepentingan India sebagai negara pengimport utama minyak sawit negara. Malah, India masih mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran utama minyak sawit negara bagi tempoh Januari hingga September 2019 dengan jumlah eksport sebanyak 3.43 juta tan atau RM7.14 bilion iaitu meningkat sebanyak 106% berbanding 1.66 juta tan atau RM4.03 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2018.

Berhubung langkah Kerajaan India yang berkemungkinan menyekat pembelian minyak sawit dari Malaysia, sehingga kini Kerajaan Malaysia masih belum menerima sebarang maklumat rasmi daripada Kerajaan India. Malah para pengimport India sendiri berada dalam ketidaktentuan dan menyifatkannya sebagai spekulasi. Nasihat penghentian sementara pembelian minyak sawit Malaysia oleh persatuan penapis minyak sayuran India dilihat hanya sebagai langkah berjaga-jaga berikutan masih tiada pengumuman rasmi dibuat oleh Kerajaan India berhubung perkara tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia dan India mempunyai pertalian sejarah dan budaya, selain hubungan diplomatik dan perdagangan yang baik. Malaysia sentiasa memandang India sebagai rakan dagangan yang strategik dan penting. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan sentiasa berusaha memperkukuhkan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

## NO SOALAN: 72

Dalam hubungan ini, Kementerian dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Luar Negeri (KLN) sedang mengaturkan sesi perbincangan dengan pihak Kerajaan India berhubung isu yang dibangkitkan agar kedua-dua negara berada dalam situasi positif memandangkan hubungan baik yang telah terjalin selama ini antara Malaysia dan India.

Dalam masa yang sama, Kementerian telah bersedia untuk menghadapi isu ini dan telah membincangkannya bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan KLN termasuk usaha untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan India. Malaysia akan meneroka peluang untuk meningkatkan import gula mentah dari India pada tahun 2020 selain mengkaji prospek untuk mengimport lebih banyak daging kerbau dari India selaras dengan peningkatan permintaan pasaran tempatan.

Selain itu, syarikat-syarikat tempatan juga digalakkan untuk mengimport lebih banyak produk dari India dengan memanfaatkan perjanjian kerjasama Malaysia-India *Comprehensive Economic Co-operation Agreement* (MICECA).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan NADMA dalam persiapan, penyelamatan dan pemulihan bencana banjir yang bakal tiba tidak lama lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di antara usaha persiapan NADMA menghadapi bencana banjir adalah seperti yang berikut:
  - a) Menyelaraskan koordinasi antara agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat Persekutuan dan Negeri. Penyelarasan ini bagi memantapkan tindakan mencari dan menyelamatkan, bantuan pemindahan mangsa, penyediaan Pusat-Pusat Pemindahan Sementara (PPS), penyediaan makan minum mangsa dan petugas serta pengurusan pasca bencana seperti bantuan pembersihan kediaman dan kawasan terlibat.
  - b) Pengagihan peruntukan awal operasi sebanyak RM20,000 bagi setiap Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri dan RM20,000 bagi setiap 159 daerah di seluruh negara. Di samping itu, RM100,000 diperuntukkan bagi setiap agensi tindak balas seperti Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Sukarelawan Malaysia, dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Peruntukan ini akan ditambah jika terdapat keperluan.

## NO SOALAN: 73

- c) Mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi (TELCO) untuk hebahan amaran banjir melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Celcom, Maxis, Digi, Telekom Malaysia dan U-mobile telah bersetuju untuk membuat hebahan SMS secara percuma apabila Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) mengeluarkan amaran banjir dalam tempoh 10 hingga 24 jam sebelum berlaku banjir.
- d) Mengadakan *Clothing Bank* bersama KASIH Malaysia dan PUSPANITA bagi penyediaan pakaian mangsa-mangsa banjir. Sebanyak 24,460 pakaian telah dikumpulkan dan diedarkan ke depoh simpanan bencana Muar, Kuantan, Marang dan Pengkalan Chepa.
- e) Mengadakan kerjasama dengan Indah Water Konsortium (IWK) untuk mengosongkan tangki-tangki kumbahan (*septic tank*) di sekolah-sekolah yang dijadikan pusat-pusat pemindahan sebelum musim Monsun Timur Laut (MTL) bermula.
- f) Mewujudkan sistem kluster yang bertujuan menyelaraskan pergerakan dan bantuan badan-badan bukan kerajaan (NGO) ke kawasan-kawasan bencana semasa MTL.
- g) Mengadakan bulan Kesiapsiagaan Negara pada bulan Oktober 2019 yang mana mesej-mesej kesedaran awam menghadapi bencana telah ditingkatkan melalui hebahan di radio, televisyen, media sosial,

## **NO SOALAN: 73**

masjid-masjid serta aktiviti-aktiviti gotong-royong membersihkan longkang-longkang yang tersumbat.

- h) Latihan dan simulasi persediaan menghadapi bencana banjir dengan agensi-agensi berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) secara berterusan.
  - i) Penyediaan peruntukan untuk pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyediakan 50,000 kit makanan yang setiap unit mengandungi 10 item untuk mangsa-mangsa bencana. Sehingga 22 November 2019, sebanyak 10 buah negeri telah menerima kit-kit makanan tersebut yang disimpan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM) negeri masing-masing. Baki kit-kit makanan akan dihantar secara berperingkat.
2. Dari segi penyelamatan, NADMA mempunyai seramai 11 pegawai dan 130 anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (Pasukan SMART) siap sedia untuk digerakkan ke Pantai Timur untuk bantuan menyelamatkan mangsa terperangkap sekiranya berlaku tanah runtuh atau bangunan roboh.
  3. Manakala di peringkat pemulihan pula, NADMA menyediakan bantuan wang ihsan yang diserahkan kepada Ketua Isi Rumah yang disahkan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Bagi kerja-kerja pemulihan jalan, utiliti dan infrastruktur rosak yang lain, ia dijalankan oleh jabatan-jabatan atau syarikat yang berkaitan.

**NO SOALAN: 73**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kanak-kanak Orang Asli Kaum Bateq yang kekurangan zat makanan dan bantuan yang disediakan oleh KKM pada tahun 2019 dan BAJET 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga September 2019, sebanyak 11 kes kanak-kanak Orang Asli Bateq dari Kampung Koh di bawah kawasan operasi Klinik Kesihatan Aring yang menerima bantuan di bawah Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM). Selain itu, KKM mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat *Community Feeding* (PCF) di kampung berkenaan bermula 18 Julai 2019 dengan melibatkan seramai 48 orang kanak-kanak Orang Asli Bateq yang berumur 6 bulan – 6 tahun. Melalui Program *Community Feeding*, semua kanak-kanak tersebut akan dikumpulkan, dan diberi makanan tambahan seperti susu, multivitamin, serta makanan berasaskan karbohidrat dan protein sebanyak lima (5) kali seminggu. KKM juga telah memperuntukkan bajet sebanyak RM67,000 bagi pelaksanaan Program *Community Feeding* di Kampung Kuala Koh untuk Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan pengganas LTTE yang dianggap boleh mengancam keselamatan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkaitan pertanyaan Yang Berhormat berhubung status siasatan polis ke atas beberapa individu yang terlibat dengan kumpulan pengganas *Liberation Tigers of Tamil Eelam* (LTTE), saya tidak berhasrat untuk memperincikan butiran mengenainya kerana kes tersebut masih lagi dalam siasatan dan dikhuatiri ia boleh mengganggu proses perbicaraan kelak.
2. Secara ringkasnya, pertuduhan telah pun dibuat ke atas kesemua tertuduh dan kes berkenaan kini masih di peringkat Mahkamah Sesyen sebelum dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dengan izin Hakim. Segala bukti mengenai kesalahan akan hanya didedahkan semasa perbicaraan kelak.
3. Berkaitan tahap ancaman pula, setakat ini ancaman keselamatan oleh kumpulan LTTE di Malaysia berada pada tahap terkawal. Namun pihak polis sentiasa mengambil langkah berwaspada dengan mengambil kira aktiviti yang dianjurkan oleh penyokong kumpulan tersebut seperti pengumpulan dana, merekrut golongan simpati dan penyebaran ideologi. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini tidak dibendung dari awal, kegiatan kumpulan LTTE mampu memberi kesan negatif yang lebih serius dan sekaligus menggugat keselamatan negara.

Sekian, terima kasih.

**[MAKLUMAT TAMBAHAN]**

**i) kegiatan-kegiatan Itte di malaysia:**

**\* hadir majlis, serangan ke atas Duta Sri Lanka, perancangan serangan di Sjaya Tinggi Sri lanka (Minta detail dgn nazhaf)**

**KRONOLOGI TANGKAPAN LIBERATION TIGERS OF TAMIL EELAM**  
**(LTTE) TEMPATAN**

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
10 OKT 2019	<p>Tangkapan fasa pertama ke atas (7) warga tempatan yang terlibat dengan aktiviti LTTE di Malaysia. Kesemua mereka ditangkap dan disiasat di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Butiran tangkapan:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Gunasekaren a/l Palasamy (60 Tahun / ADUN Seremban Jaya)</li><li>b) Saminathan a/l Ganesan (34 Tahun / ADUN Gadek)</li><li>c) Kalaimughilan a/l Arjunan (28 Tahun / Peniaga Besi Buruk)</li><li>d) Teeran a/l Salvanathan (38 Tahun / Ejen Insuran)</li><li>e) Balamurugan a/l Veerasamy (37 Tahun / Pemandu Teksi)</li><li>f) Arivainthan a/l Subramaniam (27 Tahun / Pekerja Intel)</li><li>g) Subramaniam a/l Batumalai (57 Tahun / Peniaga Gerai Makan)</li></ul>
12 OKT 2019	<p>Tangkapan fasa kedua ke atas (5) warga tempatan yang terlibat dengan aktiviti LTTE di Malaysia. Kesemua mereka ditangkap dan disiasat di bawah Akta Kesalahan</p>

**NO SOALAN: 75**

	<p>Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) Butiran tangkapan:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Pumugan a/l Mahalingam (29 Tahun / Penyelia Keselamatan)</li><li>b) Thanagaraj a/l Sivam (26 Tahun / Pekerja Kilang)</li><li>c) Sundram a/l Renggan @ Renggasamy (52 Tahun / Guru)</li><li>d) Chandru a/l Suparmaniam (38 Tahun / Pegawai Eksekutif Perbadanan Teknologi Hijau Melaka)</li><li>e) Sureshkumar a/l Velayuthan (43 Tahun / Ahli Majlis Perbandaran Melaka)</li></ul>
17 OKT 2019	<p>Pihak peguam bela S.Selvam dari Tetuan Selvam &amp; Shanmugam Co. telah memfailkan permohonan habeas corpus bagi pihak anak guamnya iaitu Subramaniam a/l Batumalai di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor.</p>
21 OKT 2019	<p>Peguam bela Ram Karpal Singh dari Karpal Singh &amp; Co. telah memfailkan permohonan habeas corpus terhadap (5) orang anak guamnya iaitu (1) Gunasekaran a/l Palasamy, (2) Saminathan a/l Ganesan, (3) Chandru a/l Suparmaniam, (4) Sureshkumar a/l Velayuthan dan (5) Arivainthan a/l Subramaniam di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.</p>
24 OKT 2019	<p>Permohonan habeas corpus telah didengar oleh Hakim YA Datuk Noorlin binti Badarudin, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor dan kes bersambung pada 25 OKT 2019.</p>
25 OKT 2019	<p>YA Datuk Noorlin binti Badarudin memutuskan untuk menolak permohonan habeas corpus.</p>

## NO SOALAN: 75

29 OKT 2019	<p>Pertuduhan terhadap (10) individu yang terlibat dengan aktiviti LTTE di Malaysia. Butiran pertuduhan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Gunasekaran a/l Palasamy (Sek. 130J (1) (a) KK – Memberi sokongan kepada kumpulan pengganas / Mahkamah Sesyen 2, Ayer Keroh, Melaka) – Sebutan semula pada 16 DIS 2019</li><li>b) Saminathan a/l Ganesan (Sek. 130J (1) (a) KK– Memberi sokongan kepada kumpulan pengganas / Sek. 130JB (1) (a) KK - Mahkamah Sesyen 2, Ayer Keroh, Melaka) - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</li><li>c) Kalaimughilan a/l Arjunan (Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Selayang, Selangor) - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</li><li>d) Teeran a/l Salvanathan (Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Segamat, Johor) - Sebutan semula pada 18 NOV 2019</li><li>e) Balamurugan a/l Veerasamy (Sek. 130J (1) (a) KK dan Pertuduhan 130JB (1) (a) KK (3 Pertuduhan) – Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, Perak) - Sebutan semula pada 28 NOV 2019</li><li>f) Arivainthan a/l Subramaniam (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar, Perak) - Sebutan semula pada 28 NOV 2019</li></ul>
----------------	---

## NO SOALAN: 75

	<p>f) Pumugan a/l Mahalingam (Sek. 130JB (1) (a) KK (2 Pertuduhan) – Mahkamah Sesyen Butterworth, P.Pinang) - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</p> <p>g) Thanagaraj a/l Sivam (Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Butterworth, P.Pinang) - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</p> <p>h) Sundram a/l Renggan @ Renggasamy (Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Selayang, Selangor) - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</p> <p>i) Chandru a/l Suparmaniam (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Ayer Keroh Melaka dan Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen Alor Gajah, Melaka - Sebutan semula pada 16 DIS 2019</p>
31 OKT 2019	<p>Pertuduhan baru terhadap (2) individu yang terlibat dengan aktiviti LTTE di Malaysia dan pertuduhan tambahan terhadap (10) individu yang lain. Butiran pertuduhan adalah seperti berikut:-</p> <p>a) Gunasekaren a/l Palasamy (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 9, Kuala Lumpur)</p> <p>b) Saminathan a/l Ganesan (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 8, Kuala Lumpur)</p> <p>c) Kalaimughilan a/l Arjunan (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 8, Kuala Lumpur) dan (Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 9, Kuala Lumpur)</p>

## NO SOALAN: 75

	<p>d) Teeran a/l Salvanathan (Sek. 130J (1) (a) KK dan Sek. 130JB (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 8, Kuala Lumpur)</p> <p>e) Balamurugan a/l Veerasamy (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 8, Kuala Lumpur)</p> <p>f) Arivainthan a/l Subramaniam (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 14, Kuala Lumpur)</p> <p>g) Pumugan a/l Mahalingam (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 14, Kuala Lumpur)</p> <p>h) Thanagaraj a/l Sivam (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 14, Kuala Lumpur)</p> <p>i) Sundram a/l Renggan @ Renggasamy (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 14, Kuala Lumpur)</p> <p>j) Chandru a/l Suparmaniam (Sek 130J (1) (a) KK – (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 14, Kuala Lumpur)</p> <p>k) Sureshkumar a/l Velayuthan (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 9, Kuala Lumpur)</p> <p>l) Subramaniam a/l Batumalai (Sek. 130J (1) (a) KK – Mahkamah Sesyen 9, Kuala Lumpur)</p> <p>Peguam bela semua tertuduh telah memohon jamin diberikan, namun hakim menetapkan 1 NOV 2019 bagi keputusan jamin.</p>
--	--

**NO SOALAN: 75**

1 NOV 2019	Keputusan permohonan jamin terhadap kesemua OKT telah ditolak oleh Hakim MSJ 8 iaitu Puan Rozina binti Ayob, MSJ 9 iaitu Puan Azura binti Alwi dan MSJ 14 iaitu Tuan Azman bin Ahmad dan menetapkan tarikh 23 DIS 2019 sebagai tarikh sebutan semula kes.
1 NOV 2019	Pada jam 1430 sehingga 1700, prosiding tertutup 'In Camera' di bawah Sek. 133 Kanun Prosedur Jenayah telah berlangsung terhadap 2 tertuduh iaitu (1) Kalaimughilan a/l Arjunan dan (2) Subramaniam a/l Batumalai di hadapan hakim Puan Azura binti Alwi, Hakim MSJ 9.
4 NOV 2016	Berdasarkan arahan Timbalan Ketua Polis Negara, pada jam 1917, Pegawai Penyiasat OT Subramaniam a/l Batumalai, iaitu INSP Jainizam bin Jantan telah membuat laporan Polis terhadap pihak peguam bela Selvam a/l Shanmugam dan Akhbar Malaysiakini. Repot Jln Tun Razak/010260/19 adalah berkaitan.
5 NOV 2019	Keputusan habeas corpus ke atas (5) OT iaitu (1) Gunasekaran a/l Palasamy, (2) Saminathan a/l Ganesan, (3) Chandru a/l Suparmaniam, (4) Sureshkumar a/l Velayuthan dan (5) Arivainthan a/l Subramaniam di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah ditolak - (OKT dah dituduh, Habeas Corpus jadi akademik)
6 NOV 2019	Pertuduhan tambahan ke atas OT Gunasekaran a/l Palasamy di bawah Sek. 130JB (1) (a) KK (2 Pertuduhan) – (ditarik balik atas arahan AG)
6 NOV 2019	Kes isu keperlembagaan Sek 13 (2) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dipohon oleh Saminathan a/l Ganesan ditetapkan pada 13 NOV 2019

**NO SOALAN: 75**

	di Mahkamah Tinggi Jenayah 3, Kompleks Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur
8 NOV 2019	Pada jam 0900, Hakim telah merakam segala pengaduan di bawah Sek. 133 Kanun Prosedur Jenayah terhadap 2 tertuduh iaitu (1) Kalaimughilan a/l Arjunan dan (2) Subramaniam a/l Batumalai. Hakim turut membenarkan OKT membuat aduan di bawah Sek. 128 KPJ semasa tempoh tahanan SOSMA. Hakim menetapkan pada 5 & 6 DIS 2019 sebagai tarikh perbicaraan tersebut.
13 NOV 2019	Kes isu keperlembagaan Sek. 13 (2) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dipohon oleh Saminathan a/l Ganesan akan disebut semula pada 26 NOV 2019.
18 NOV 2019	Sebutan kes Teeran a/l Salvanathan telah berlangsung di Mahkamah Sesyen Segamat dan tarikh 19 DIS 2019 ditetapkan sebagai sebutan semula kes.
26 NOV 2019	Kes isu keperlembagaan Sek. 13 (2) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang dipohon oleh Saminathan a/l Ganesan telah dibicarakan dan 29 NOV adalah tarikh keputusan kes.

**NO SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan 'Voluntary Disclosure Scheme', jumlah mereka yang telah sukarela mengikut program ini dan jumlah cukai yang telah dikutip melalui program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) dilaksanakan bermula dari 3 November 2018 hingga 30 September 2019, jumlah pembayar cukai yang telah membuat pengakuan di bawah PKPS adalah seramai 286,508 pembayar cukai yang meliputi pembayar cukai individu, syarikat dan cukai keuntungan harta tanah.

Sehingga tempoh akhir PKPS tersebut pada 30 September 2019, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah berjaya membangkitkan taksiran sebanyak RM7.975 bilion manakala hasil cukai yang berjaya dikutip oleh LHDNM sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak RM4.779 bilion.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga minyak sawit tidak turun dari kadar sekarang memandangkan niat India untuk mengurangkan belian dari Malaysia. Adakah terdapat mekanisme sokongan untuk pekebun kecil. Jika ya, apakah mekanisme tersebut dan apakah paras harga yang akan dikuatkuasakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sememangnya menyedari bahawa harga minyak sawit mentah (CPO) adalah rendah sejak tahun 2018. Untuk makluman, harga minyak sawit mentah adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti pertumbuhan ekonomi, permintaan dan penawaran serta jumlah stok minyak sawit oleh negara-negara pengeluar terutamanya Indonesia yang merupakan pengeluar terbesar minyak sawit dunia.

Faktor lain yang juga menyumbang kepada penurunan harga CPO adalah kejatuhan harga minyak kacang soya (SBO) di pasaran antarabangsa. Ini kerana minyak kacang soya merupakan barang pengganti kepada minyak sawit. Selain itu, pergerakan nilai matawang Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika turut menyumbang kepada turun naik harga CPO di pasaran tempatan.

Dalam hal ini, Kerajaan menjangkakan impak positif terhadap harga sawit hasil usaha drastik yang telah dan sedang dijalankan. Antara usaha yang telah mula menampakkan hasil adalah langkah peningkatan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan. Bagi sektor industri pula, Kerajaan telah melaksanakan Program Biodiesel B7 bermula 1 Julai 2019. Implementasi program ini telah membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit negara

## **NO SOALAN: 77**

dengan peningkatan sebanyak 761,000 tan. Kerajaan seterusnya akan melaksanakan Program Biodiesel B20 pada tahun 2020. Peningkatan penggunaan ini akan merancakkan lagi permintaan dan seterusnya memberi impak positif terhadap harga sawit.

Selain itu, Kerajaan juga akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan perdagangan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit Malaysia. Kerajaan berkeyakinan melalui pendekatan hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara luar, ianya akan memudahkan produk-produk sawit mendapat akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia pada tahun ini juga sedang mengetuai satu gabungan kerjasama bersama Indonesia dan Colombia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC). Kerjasama ini adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini, Kerajaan telah merangka beberapa strategi bersama dengan Indonesia bagi menangani isu-isu semasa berkaitan industri sawit.

Pada masa yang sama, Kementerian juga akan meneruskan strategi-strategi jangka panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan berikut:

## **NO SOALAN: 77**

- i. memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara China, India, Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika ;
- ii. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi; dan
- iii. meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau.

Melalui usaha-usaha yang sedang dipergiatkan tersebut, Kerajaan berkeyakinan harga minyak sawit boleh distabilkan semula.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini berpendapat ianya tidak sesuai untuk menetapkan harga lantai bagi harga minyak sawit mentah Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi mengurangkan beban pembelian tiket kapal terbang bagi pelajar dari Sabah dan Sarawak yang belajar di semenanjung khususnya di musim perayaan dan adakah Kementerian akan memulakan perbincangan bagi tujuan tersebut dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk menawarkan perkhidmatan tambang pelajar atau “student fare” kepada para pelajar dari Sabah dan Sarawak yang belajar di Semenanjung dan sebaliknya, bagi tujuan mengurangkan beban terhadap keluarga mereka khususnya semasa musim perayaan.
2. Pihak Kementerian telah pun memulakan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan negara bagi tujuan tersebut. Dalam hubungan ini, AirAsia Berhad dan Malindo telah memaklumkan bahawa mereka akan meneliti dan mempertimbangkan cadangan ini.
3. Manakala, Malaysia Airlines Berhad (MAB) pula memaklumkan bahawa mereka telah pun memperkenalkan portal web MHexplorer pada Oktober tahun lalu yang mensasarkan para pelajar universiti berumur di antara 18 hingga 26 tahun untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan MAB. Antara keistimewaan yang ditawarkan ialah pengurangan tambang penerbangan sehingga 20% daripada tambang penerbangan biasa. Di samping itu juga, MHexplorer turut menawarkan lain-lain keistimewaan seperti elaun bagasi tambahan sebanyak 10 kilogram, perubahan tarikh penerbangan percuma, mata ganjaran Enrich (Enrich Points) untuk

## **NO SOALAN: 78**

program pelajar, diskaun khas untuk hotel terpilih dan tambang teksi melalui ejen-ejen yang dilantik oleh pihak MAB.

4. Di samping itu juga, mulai 31 Julai 2019 lalu, program MHexplorer telah diperluaskan lagi kepada para pelajar berusia antara 13 hingga 26 tahun, termasuk para guru dan ahli akademik yang berusia sehingga usia 60 tahun yang masih aktif bekerja di sekolah-sekolah dan institut pendidikan tinggi.
5. Selain itu, bagi tujuan mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang khususnya pada musim perayaan, YB Menteri Pengangkutan dalam mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 lalu telah memutuskan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah dengan mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi termasuk beberapa laluan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.
6. Dalam hubungan ini, orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian pada saat akhir.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran berita yang memaklumkan bahawa sebuah dron dipercayai menerbangkan dadah ke Penjara Puncak Borneo dan adakah siasatan lanjut akan dijalankan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian berkenaan insiden ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia memandangkan serius dan sentiasa mengambil tindakan tegas berhubung isu penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara. Hasil risikan, tangkapan dan siasatan oleh Jabatan Penjara menunjukkan artikel larangan boleh diseludup masuk dengan pelbagai cara iaitu secara balingan dari luar tembok atau pagar penjara, penyeludupan melalui anggota badan, pakaian, kenderaan termasuklah dengan cara menelan. Pada masa kini, kaedah penyeludupan artikel larangan lebih sofistikated termasuklah melalui penggunaan pesawat udara tanpa pemandu (*unmanned aerial vehicle*, disingkatkan kepada UAV) yang juga dikenali dengan nama dron.

Terdapat satu kejadian pencerobohan dron ke dalam kawasan Penjara Puncak Borneo pada tahun ini, di mana satu dron telah melalui ruang udara kawasan penjara tersebut walau bagaimanapun ia telah berjaya dihalang oleh pegawai penjara. Pihak Penjara Puncak Borneo juga telah membuat laporan polis berhubung perkara tersebut.

Susulan daripada kejadian itu, pihak Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa langkah keselamatan seperti berikut:

## NO SOALAN: 79

- i. Mana-mana pihak yang menerbangkan pesawat tanpa pemandu di dalam ruang udara Jabatan Penjara Malaysia mahupun institusi penjara, maka pihak Jabatan mempunyai kuasa untuk menembak jatuh, merampas atau mematikan sistem pesawat tersebut;
- ii. Pihak Jabatan Penjara berhak menahan dan menyimpan pesawat tanpa pemandu yang ditembak jatuh, dirampas atau dimatikan sistemnya untuk diserahkan kepada pihak berkuasa untuk siasatan selanjutnya; dan
- iii. Pihak Jabatan Penjara juga boleh mengenakan tindakan undang-undang kepada mereka yang terlibat di dalam cubaan menerbangkan pesawat tanpa pemandu, di ruang udara yang diwartakan ke atas semua penjara bagi tujuan rekreasi, tinjauan, cubaan menyeludup dan lain-lain perkara yang boleh menjejaskan keselamatan penjara.

Selain daripada langkah-langkah diatas, Jabatan Penjara Malaysia juga dalam perancangan untuk membuat perolehan peralatan anti dron bagi kegunaan di institusi-institusi penjara. Di samping itu, Jabatan Penjara sentiasa mengambil tindakan berterusan dalam mencegah penyeludupan artikel larangan ke dalam insitusi penjara terutamanya melalui peranan oleh Unit Risikan Dan Siasatan, *urine test*, penggunaan teknologi pemeriksaan, pengasingan dan pengkategorian penghuni serta kerjasama dengan agensi penguatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan modul khas untuk pelajar Orang Asli khususnya kepada murid-murid di dalam kelas pra dan murid Tahun 1.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan murid berkeperluan khusus, seperti murid peribumi dan kumpulan minoriti yang lain seperti Orang Asli mendapatkan peluang pendidikan berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka.

KPM telah menggubal Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) dan Buku Panduan Guru pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bagi membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas Prasekolah. Guru perlu menggunakan kurikulum dan buku panduan tersebut dengan membuat penyesuaian mengikut tahap perkembangan, persekitaran, budaya dan latar belakang murid termasuk murid-murid Orang Asli.

Melalui Program Pengukuhan Pedagogi dalam Inisiatif #57 Pelan Transformasi Pendidikan Murid Orang Asli dan Peribumi, KPM berhasrat untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif di sekolah Orang Asli dan Peribumi. Program ini adalah untuk meningkatkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Antara modul yang dihasilkan di bawah inisiatif ini adalah:

- i. Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Program Intervensi Khas Murid Orang Asli dan Peribumi (PIKAP) Tahun 1.

**NO SOALAN: 80**

- ii. Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Sisipan Elemen Budaya Orang Asli dan Peribumi (SISIPAN) Tahun 1

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 81**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah lesen import (AP Terbuka dan AP Francais) ayam yang telah dikeluarkan sejak tahun 2015 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenakan kawalan kuota import (*Approved Permit – AP*) ke atas beberapa keluaran pertanian terpilih termasuk keratan ayam dan pemberian kuota import ini adalah terbuka kepada semua pemohon yang layak serta menepati syarat-syarat pengimportan yang ditetapkan.
2. AP dikenakan ke atas beberapa keluaran pertanian terpilih bagi memastikan bekalan mencukupi bagi pengguna dan pada masa yang sama memberi ruang kepada pemain industri tempatan untuk berkembang.
3. Jumlah AP keratan ayam yang telah diluluskan bagi keratan ayam daripada tahun 2015 sehingga September 2019 adalah seperti Jadual 1 di bawah:

**NO SOALAN: 81**

Jadual 1:

Jumlah AP Yang Telah Diluluskan Pada  
Tahun 2015 Sehingga September 2019

<b>Tahun</b>	<b>Kelulusan (MT)</b>
2015	52,288
2016	58,899
2017	77,172
2018	83,319
2019	74,963

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu dapat mengelakkan negara daripada tindakan boikot, sekatan dagangan dan hubungan yang renggang dengan negara-negara tertentu akibat daripada kenyataan keras yang dikeluarkan pemimpin-pemimpin kita apabila berada di luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung di atas pertanyaan yang dikemukakan mengenai Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu dan sejauh manakah ia dapat mengelakkan negara daripada tindakan boikot, sekatan dagangan dan hubungan yang renggang dengan negara-negara tertentu akibat daripada kenyataan keras yang dikeluarkan pemimpin-pemimpin kita apabila berada di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Ingin saya kongsi di sini bahawa Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu yang bertemakan 'Perubahan dalam Kesyinambungan' bukanlah merupakan satu dasar luar yang baharu bagi Malaysia. Prinsip asas dasar luar kekal tidak berubah. Namun perbezaannya kini hanyalah dari segi pendekatan dan penekanan yang diambil oleh Malaysia berkenaan isu-isu tertentu yang memberikan impak kepada Malaysia.

## NO SOALAN: 82

Tuan Yang di-Pertua,

4. Saya ingin menekankan di sini bahawa keputusan untuk memboikot atau menyekat perdagangan oleh mana-mana negara adalah di luar kawalan kita. Tidak terdapat sebarang mekanisme atau instrumen yang dapat menghalang perkara itu daripada berlaku. Namun, sebagai sebuah negara yang berdaulat dan berpegang teguh pada prinsip berkecuali (*non-aligned*), Malaysia perlu bersuara dengan lantang di pentas dunia mengecam sebarang bentuk penindasan dan ketidakadilan yang berlaku ke atas mana-mana masyarakat atau negara tanpa menghiraukan latar belakang agama, budaya dan sebagainya.

5. Di samping itu, melalui pelaksanaan Dasar Luar Negeri yang progresif, Malaysia ingin mengekalkan dan menghargai hubungan baik dan saling menguntungkan dengan semua negara. Perkara ini perlu diseimbangkan dengan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara perdagangan yang memerlukan peluang pasaran yang meluas dan stabil.

6. Justeru itu, dalam melaksanakan Kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu, Malaysia akan tetap mengutamakan kepentingan nasional dan dalam masa yang sama memelihara hubungan diplomatik yang sedia terjalin dengan negara-negara luar. Strategi serampang dua mata ini akan membolehkan Malaysia terus progresif di dalam mengutarakan isu-isu sejagat seperti di Palestin dan Rohingya dan terus menjadi rakan dagang yang dinamik di pentas perdagangan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membaik pulih keadaan lokap yang begitu kurang memuaskan dan juga kualiti makanan yang diberi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa prihatin terhadap keadaan lokap-lokap yang terdapat di balai-balai polis di seluruh Malaysia. Pada tahun 2019, sebanyak RM1.54 juta telah diperuntukkan bagi membaiki lokap di 23 buah formasi polis (balai polis, lokap berpusat, Ibu Pejabat Polis Daerah dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen) di seluruh Malaysia. Manakala pada tahun 2020, sebanyak RM200,000 telah diperuntukkan bagi membaiki lokap di Lokap Berpusat Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan Lokap IPD Kuching, Sarawak.

Bagi makanan yang disediakan kepada tahanan lokap, kos makanan tersebut adalah berdasarkan standard yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan sekitar RM9 sehingga RM14.80 sehari bagi setiap orang yang ditahan bergantung kepada lokasi lokap berkenaan. Penyediaan makanan dan minuman adalah sebanyak tiga (3) kali sehari mengikut menu yang ditetapkan dan ia meliputi minum pagi, makan tengahari dan makan malam.

Sekian, terima kasih.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Senarai lokap untuk dibaiki di bawah peruntukan khas RM1.54 juta pada tahun 2019:

1. Lokap Balai Polis Kangar, Perlis
2. Lokap Balai Polis Kuala Perlis, Perlis
3. Lokap IPD Baling, Kedah
4. Lokap Balai Polis Sungai Bakap, Pulau Pinang
5. Lokap Berpusat IPD Barat Daya, Pulau Pinang
6. Lokap Cawangan Khas IPK Perak, Perak
7. Lokap IPD Kerian, Perak
8. Lokap IPD Petaling Jaya, Selangor
9. Lokap IPD Sungai Buloh, Selangor
10. Lokap Balai Polis USJ 8, Subang Jaya, Selangor
11. Lokap IPD KLIA, Selangor
12. Lokap Berpusat Shah Alam, Selangor
13. Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur
14. Lokap Cawangan Khas IPK Melaka, Melaka
15. Lokap Balai Polis Kuala Kelawang, Negeri Sembilan
16. Lokap IPD Tampin, Negeri Sembilan
17. Lokap Berpusat Indera Mahkota, Pahang
18. Lokap IPD Kemaman, Terengganu
19. Lokap IPD Tanah Merah, Kelantan
20. Lokap IPD Kuala Krai, Kelantan
21. Lokap Balai Polis Kunak, Sabah

**NO SOALAN: 83**

22. Lokap Berpusat Kepyayang, Sabah
23. Lokap IPK Sarawak, Sarawak

**NO SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 18 DISEMBER 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah bilangan pelancong 'ecotourism' di setiap negeri dari tahun 2013 sehingga 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian tidak mempunyai maklumat yang terperinci mengenai statistik keseluruhan pelancong ekopelancongan mengikut negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian menganggarkan bahawa 35% daripada pelancong antarabangsa melakukan aktiviti ekopelancongan dari tahun 2013 hingga 2018. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah melawat pulau dan pantai, *bird watching*, *white water rafting*, menyelam dan sebagainya. Berdasarkan statistik yang dikumpul oleh Tourism Malaysia, statistik pelawat ke Taman-taman Negara dan Negeri di Malaysia menunjukkan jumlah pelawat antarabangsa adalah seramai 1,205,503 pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.